

Dua Imperialis dalam Perkembangan Dasar Perdagangan Bebas dan Pelabuhan Bebas Di Negeri-Negeri Selat, 1786-1826

Oleh

Sivachandralingam Sundara Raja

Kepesatan perdagangan England dengan negeri China mendesak Syarikat Hindia Timur Inggeris mencari sebuah pelabuhan persinggahan di sekitar Kepulauan Melayu untuk memudahkan kapal-kapalnya berlabuh, memperlengkap, mengisi dan menunggu tiupan angin monsun yang sesuai untuk membawa mereka ke negeri China atau balik ke India.¹ Keperluan untuk menguasai sebuah pelabuhan juga menjadi amat perlu kerana jalan-jalan perdagangan biasa yang melalui Selat Melaka dikuasai oleh Belanda di Melaka dan kedudukan Bangkahulu pula terlalu jauh dan menyusahkan. Selat Sunda yang merupakan satu lagi jalan penting pula dikawal oleh Belanda di Betawi. Penguasaan sebuah pelabuhan di Selat Melaka juga dipercayai dapat menjamin

Artikel ini adalah pengubahsuaian dari bab kelima tesis M.A. penulis yang berjudul "Idea Perdagangan Bebas di England dan Pengaruhnya Ke Atas Dasar Perdagangan Bebas dan Pelabuhan Bebas Di Negeri-Negeri Selat, 1786-1826".

1. P.P. Courtenay, *A Geography of Trade and Development in Malaya*, London, G.Bells and Sons Ltd., 1972, hlm. 64.

perdagangan dan melindungi perdagangan negeri China. Ia juga akan dapat berperanan sebagai pusat pengumpulan barangan Kepulauan Melayu untuk dihantar ke negeri China dan sebagai pangkalan tentera untuk menentang pengaruh Belanda atau Perancis.²

Berasaskan senario inilah usaha-usaha yang rancak dijalankan untuk mencari penempatan-penempatan baru di Kepulauan Melayu. Penguasaan Pulau Pinang dan Singapura sesungguhnya menjawab kehendak ini. Penguasaan Negeri-negeri Selat dan lebih-lebih lagi dengan menjadikannya pelabuhan bebas pada awal abad ke-19 telah memungkinkan England menerokai pasaran-pasaran kaya di Timur dan membina satu bentuk empayar ekonomi baru.³ Pelabuhan-pelabuhan bebas ini juga secara tidak langsung telah mengintegrasikan Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu dalam lingkungan ekonomi England.⁴

2. N. Tarling, *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871*, Singapore, Oxford University Press, 1975, hlm. 12; E. Trapaud, *A Short Account of the Prince of Wales Island*, Singapore, Eastern University Press, 1962, hlm. 17-20.

3. J.B. Williams, *British Commercial Policy and Great Britain's Trade Expansion 1750-1850*, London, Oxford University Press, 1973, hlm. 78.

4. Courtenay, *A Geography of Trade*, hlm. 60.

Individu-individu seperti Francis Light dan Stamford Raffles telah terlibat dalam mengembangkan dasar perdagangan bebas⁵ dan pelabuhan bebas⁶ di Negeri-negeri Selat. Francis Light telah memainkan peranan penting dalam penguasaan Pulau Pinang dan perkembangannya sebagai pelabuhan bebas di

5. *Free Trade* atau dasar perdagangan bebas adalah suatu syarat perdagangan antarabangsa di mana sesebuah negara tidak mengenakan duti kastam atau duti-duti lain ke atas import barangan dari negara lain. Teori perdagangan antarabangsa ini menunjukkan bahawa perdagangan bagi dunia secara keseluruhan akan membawa faedah jika ia tidak tertakluk kepada sekatan seperti tarif, kuota dan sebagainya. Tidak pernah ada waktu-waktu tertentu di mana perdagangan antara negara bebas secara keseluruhan (J.L. Hanson, *A Dictionary of Economic and Commerce*, Plymouth, Macdonald and Evans Ltd. 1984, hlm 214). Cook menakrifkan perdagangan bebas sebagai "Free exchange of commodities, unrestricted by the imposition of duties by government, except perhaps for revenue purposes" (C. Cook, *Dictionary of Historical Terms, A Guide to Names and Events of over 1,000 years of World History 1714 -1980*, New York, Longman Inc., 1983, hlm. 123). *Encyclopaedia Britannica* pula menakrifkan Free Trade sebagai "... a policy by which a government does not discriminate against imports in favour of national products or interfere with exports in order to favour consumers in the home market. Free trade does not mean that a government abandons all control and taxation of imports and exports but only that this control and taxation are not used to protect the home producer against the foreign consumer" (*Encyclopedia Britannica*, Vol. 9, Chicago, William Benton, 1970, hlm. 850-851). Dalam kes Negeri-negeri Selat, ia dapat diperhatikan dari segi perdagangan yang berkembang pesat atas inisiatif individu pedagang dan pengusaha. Kerajaan tidak menggalakkan ataupun campur tangan dalam aktiviti-aktiviti perdagangan kecuali menyediakan kemudahan-kemudahan pentadbiran yang cekap dan matawang yang stabil. Dalam keadaan begini, individu pedagang bebas menjalankan perdagangan dan kumpulan-kumpulan dan komuniti-komuniti yang berlainan mengkhususkan perdagangan dalam bidang yang mereka lebih cekap melalui pendekatan mereka sendiri (D.J.M. Tate, *The Making of Modern South-East Asia, Economic and Social Change, Vol. 2*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1979, hlm. 157).

6. *Free Port* atau pelabuhan bebas membawa pengertian sesebuah pelabuhan yang terbuka kepada pedagang-pedagang asing dan tempatan serta barangan yang dibawa masuk bebas tanpa dikenakan cukai. *Encyclopaedia Britannica* mentakrifkan *Free Port* sebagai, "A free port or free zone within a port is an area within which goods may be landed, handled, manufactured and reshipped without the intervention of the customs authorities. The defined area is subject to all the usual laws concerning health, labour conditions, inspection of vessels, immigration and postal service but is entirely exempt from customs" (*Encyclopaedia Britannica*, hlm. 847). Dalam kes Negeri-negeri Selat, sewaktu Pulau Pinang dan Singapura dimajukan sebagai pelabuhan bebas, pemerintah tempatan tetap mengutip cukai melalui sistem hadiah, komisyen dan perkongsian dalam

akhir abad ke-18.⁷ Stamford Raffles pula bertanggung jawab dalam perkembangan Singapura sebagai pelabuhan bebas pada awal abad ke-19.

perdagangan di pelabuhan mereka (*Tate, The Making of Modern South-East Asia*, hlm. 150; G. Tregonning, "Penang and The China Trade", *MIH*, Vol. 6, No. 1, 1959, hlm. 59). Perkara ini juga disebut dalam rekod Negeri-negeri Selat. "... to the invariable practise to all Malay Ports, have been in the habit of receiving antar-antaran, or complimentary presents from the Nakhodahs of Junks and Native vessels..." (*Straits Settlement Records*, Singapore National Library, selanjutnya *SSR* (SNL), Vol. 10, ff. 337-338).

7. Pulau Pinang dikuasai secara rasmi pada 11 Ogos, 1786. Antara tahun 1786-1805, Pulau Pinang tertakluk di bawah pentadbiran kerajaan Bengal di India (L.A. Mills, "British Malaya 1824-1967", *JMBRAS*, Vol. 33, Pt. 3, 1960, hlm. 38-41). Antara tahun 1805-826, tarafnya dinaikkan ke kedudukan Presidensi ke-4, setaraf dengan Bengal, Madras dan Bombay di bawah kekuasaan Gabenor Bengal (R.O. Winstedt, "A History of Malaya", *JMBRAS*, Vol. 3, Pt. 1, 1935, hlm. 38-41). Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Melaka dan Singapura disatukan menjadi Presidensi India dengan Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran. Pada tahun 1830, taraf Presidensi dimansuhkan dan ketiga-tiga penempatan ini menjadi Residensi di bawah arahan Gabenor dan Konsul di Bengal. Hanya pada tahun 1832, ibu pejabatnya dipindahkan dari Pulau Pinang ke Singapura (Winstedt, "A History of Malaya" p. 203). Pulau Pinang dimajukan sebagai pelabuhan bebas sejak penguasaannya secara rasmi pada 11 Ogos, 1786. Ia hanya mendapat status sebagai pelabuhan bebas secara rasmi pada 22 Januari, 1787 ("Notices of Pinang", *Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia*, (selanjutnya *JIA*), Vol. 4, 1850, hlm. 633). Status ini berkekalan sehingga tahun 1800. Cukai import sebanyak 2% dikenakan ke atas bijih timah, lada hitam dan pinang pada tahun 1801 bila George Leith menjadi Leftenan Gabenor pada tahun 1800 (*Straits Settlements Records* (Indian Office Library), selanjutnya *SSR* (IOL), Vol. 1, f. 30). Pada tahun 1802, duti ini dimansuhkan dan sebagai ganti dikenakan duti eksport ke atas lada hitam dan barangan lain (H.P Clodd, *Malaya's First British Pioneer, The Life of Francis Light*, London, Bruces Gawthorn Ltd., 1948, hlm. 140). Pada tahun 1826, Pulau Pinang mendapat semula statusnya sebagai pelabuhan bebas.

8. Singapura dikuasai secara rasmi oleh British pada 6 Februari, 1819 dan ia terletak di bawah pentadbiran Presidensi Bangkahulu di Sumatera (C.B. Buckley, *An Anecdotal History of Old Times in Singapore*, Singapore, Oxford University Press, 1984, hlm. 49). Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka disatukan sebagai Presidensi dengan Pulau Pinang sebagai pusat pentadbiran. Singapura dijadikan pelabuhan bebas pada 6 Februari, 1819 (Clodd, *Malaya's First British Pioneer*, hlm. 67). Pengisytiharan secara rasmi hanya dibuat pada 1hb. Januari, 1823 (C.E. Wurtzburg, *Raffles of The Eastern Isles*, London, Hodder and Stoughton, 1954, hlm. 616-617). Pada 21 November, 1826, Pulau Pinang dan Melaka turut sama diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas (Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-2969", *JMBRAS*, Vol 33, Pt. 4, 1960, hlm. 180).

Dalam konteks ini perlulah diperincikan faktor-faktor yang mendorong kedua-dua tokoh ini mempelopori dasar perdagangan bebas di Kepulauan Melayu.

PERANAN FRANCIS LIGHT

CITA-CITA FRANCIS LIGHT

Cita-cita Francis Light⁹ untuk menguasai kekayaan Kepulauan Melayu menjadi salah satu faktor penting Pulau Pinang dimajukan sebagai sebuah pelabuhan bebas. Dengan menjadikan Pulau Pinang sebuah pelabuhan bebas, sebahagian besar daripada kekayaan perdagangannya dibolot oleh Francis Light dan rakannya James Scott.¹⁰ Kedua-duanya menyertai perkongsian perdagangan (*joint stock*) pada tahun 1787 dan salah satu syarat perkongsian tersebut ialah Francis Light harus memberi kebebasan kepada mereka yang mengunjungi

9. Francis Light dilahirkan di Suffolk England pada tahun 1745 dan beliau ke Timur dalam usia yang muda sewaktu berkhidmat dalam tentera marin Syarikat Hindia Timur Inggeris (A.M. Skinner "Memoir of Captain Francis Light", *JMBRAS*, Vol. 28, 1895, hlm. 1). Francis Light memulakan kerjayanya sebagai pegawai muda laut, *country-trader*, penyeludup senjata api dan pedagang perendirian. Kemuncak kerjayanya ialah apabila dilantik menjadi Penguasa Prince of Wales Island pada tahun 1786. Francis Light meninggal dunia pada 21 Disember, 1794 (R. Bonney, "Francis Light and Penang", *JMBRAS*, Vol. 38, Pt. 1, 1965, hlm. 135).

10. James Scott adalah seorang pedagang bangsa Scot yang mempunyai pengalaman berdagang selama 22 tahun di Kepulauan Melayu. Antara tahun 1761-1763 beliau menjadi teman sekapal Francis Light. James Scott ke Timur sebagai pelayar dalam kapal yang diupah oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris. Di Junk Ceylon (Ujung Salang) James Scott dan Francis Light mendirikan pusat perdagangan dan pada tahun 1787 menyertai perkongsian untuk menjalankan perdagangan di Pulau Pinang. Pada tahap awal perdagangan Pulau Pinang dikuasai oleh syarikat Scott. Untuk keterangan lanjut tentang peranan syarikat Scott rujuk "Notices of Pinang" (*JIA*, Vol. 5, 1851, hlm. 93-118). Tregonning, "Penang and The China Trade", hlm. 166).

pelabuhan, tetapi tidak boleh campurtangan dalam hal pengurusannya.¹¹ Syarat ini menjamin James Scott kedudukan yang dominan dalam perdagangan Negeri-negeri Selat.¹²

Kepentingan perdagangan Francis Light dan James Scott, disuarakan dengan menarik oleh juruukur tanah Pulau Pinang, Kapten Kyd pada tahun 1795. Menurutnya:

*... Light-Scott combination had been so great a bar to all free enterprise that no commercial house or merchant of any credit had ever attempted to form an establishment.*¹³

Ternyata Francis Light sedar akan faedah yang bakal diperolehi oleh Pulau Pinang sebagai penempatan perdagangan. Keinginannya untuk memajukan perdagangan, bukan bertujuan untuk melihat perluasan perdagangan Syarikat

11. Perkongsian perdagangan antara James Scott dan Francis Light dijalankan mengikut empat ketetapan/resolusi. Antaranya:

- (a) Francis Light akan memberi kebebasan penuh dalam kegiatan perdagangan kepada pedagang yang mengunjungi pelabuhan tetapi tidak akan campurtangan dalam pengurusannya.
- (b) Membeli dan menjual untuk keuntungan jangka pendek Pulau Pinang.
- (c) Untuk membeli hasil-hasil dari negeri-negeri sekitar dengan harga yang paling tinggi dan sebagai ganti (in return) menjual barangan India dan China dengan harga yang rendah tetapi dengan jaminan untung.
- (d) Untuk menetapkan pada awal tahun harga barangan yang akan di jual dan di beli di pulau berkenaan (Lebih lanjut "Notices of Pinang", JIA, Vol. 5, 1851, hlm. 100-101).

12. Melalui perkongsian perdagangan antara Francis Light dan James Scott, 90% perdagangan Pulau Pinang dikatakan melalui syarikat James Scott dan Francis Light (Courtenay, *A Geography of Trade*.... hlm. 17).

13. Kyd kepada Bengal, 2 Ogos, 1795, SS(F)R, Vol. 7, memetik dari Tregonning. *The British in Malaya: The First Forty Years, 1786-1826*, hlm. 166.

Hindia Timur Inggeris semata-mata, tetapi didorong oleh kepentingan peribadi.¹⁴ Hal ini tidaklah menghairankan kerana gaji yang diterima oleh beliau amatlah sedikit. Malah beliau sendiri mengakui yang beliau mungkin telah lama meninggalkan jawatan tersebut jika bukan kerana perkongsian perdagangan dengan James Scott.¹⁵

Francis Light dan rakannya James Scott juga berjaya meraih kekayaan melalui sistem tanah yang diperkenalkan ketika Pulau Pinang mula dikuasai.¹⁶ Melalui dasar ini Francis Light telah menggalakkan pembukaan tanah dan memberikan geran (*title*) kepada mereka yang mengusahakannya. Sistem ini telah membawa kepada penguasaan berpuluh-puluh ekar tanah oleh orang perseorangan dan bangsa Eropah yang lain. Langkah Francis Light berbuat

14. "This desire (pengambilan Pulau Pinang) does not seem to have been motivated by his interest to see an expansion in the Company's trade but rather, it seems to have been a purely personal interest. Light stood to profit tremendously by the establishment of a British settlement which would give him all the security and protection needed for an extension of his commercial interests, and it was towards the achievement of this end that we must view the efforts and resourcefulness of Francis Light" (R. Bonney, "Francis Light, The Nonya and Penang", *Journal of the Historical Society*, 1964/65, hlm. 34).

15. "My expenses exceeding salary just as 2 to 1... I should long ago have been obliged to leave Superintendency, had I not engaged in partnership with James Scott, a most expert merchant" (K.J. Fielding (ed). "The Settlement of Penang by James Scott", *JMBRAS*, Vol. 28, Pt. 1, 1955, hlm. 38). Hal ini juga dinyatakan dalam Memoirnya, "In 1790 Light began to find that the duties of Superintendent of the growing settlement were incompatible with his position as a merchant, while the small salary (RS. 1,000 per month) which he received from Government was insufficient to warrant his giving up trade...His combined position of Superintendent and principal merchant in Penang gave him abundant opportunity of enriching himself; and in those lax days with examples like VANISITTART and MACPHERSON before him, such scruples must have seemed to many almost Quixotic" (A.M. Skinner, "Memoir of Captain Francis Light", *JMBRAS*, Vol. 28, Pt. 2, 1895, hlm. 7). Rujuk juga (*SSK(IOL)*, Vol 1, f. 15; Vol. 7, ff. 168-169).

16. *Singapore Free Press & Mercantile Advertiser*, selanjutnya *SFPMA*, 21 September, 1843.

demikian adalah untuk memasyhurkan penempatannya dan menggalakkan imigrasi.¹⁷ Satu perkara yang menarik dalam kes ini ialah tindakannya menyerahkan tanah secara bebas itu tidak disenangi oleh kerajaan India, tetapi Light tidak mengendakkannya.¹⁸

Tanah yang diberikan ini akhirnya terpaksa ditinggalkan apabila pemilik tanah yang rata-rata terdiri daripada bangsa Eropah dan Asia tidak tinggal secara tetap sebagai penduduk Pulau Pinang. Tambahan pula Pulau Pinang tidak bersih, tidak mempunyai pegawai perubatan dan kemudahan perubatan. Keadaan ini mengakibatkan kadar kematian di kalangan semua bangsa amat tinggi. Ini menyebabkan ramai pemilik tanah mula meninggalkan penempatan mereka dan kebanyakan tanah berharga mula jatuh ke tangan mereka yang dapat menawarkan harga yang rendah. Kesempatan ini digunakan oleh firma Scott untuk membeli kesemua tanah tersebut.¹⁹ Syarikat Scott juga berperanan sebagai *bankers* dan peminjam wang kepada penduduk Pulau Pinang. Syarikat Scott juga menawarkan bantuan kewangan dengan menerima cagaran. Dengan cara ini syarikat Scott berjaya mengumpul satu juta rupee pada tahun 1796. Keuntungan yang diperolehi oleh syarikat Scott telah memungkinkan kerajaan Pulau Pinang mengaut keuntungan yang besar melalui percukaian.²⁰

17. "... Mr. Light encouraged the formation of a permanent population in Penang by offering land unconditionally to all who would take possession of it. This gave great impetus to immigration and the imposition of restraints to which the settlers were unused would perhaps have been injudicious at that early period" (*SFPMA*, 28 September, 1843). Rujuk juga (*SSR* (IOL), Vol. 7, ff. 231-232).

18. "In August 1794 the Supreme Government resolved that no allotment of lands should be made in perpetuity or upon lease exceeding five years! Mr. Light considering that such a rule would put to an end to the improvement of the island, never promulgated nor acted upon it" (*SFPMA*, 21 September, 1843).

19. F.G. Stevens, "A Contribution to the Early History of Prince of Wales Island", *JMBRAS*, Vol. 7, Pt. 3, 1929, hlm. 380-381.

20. "The house of Messrs Scott and Company became the purchasers, and gave the very unexpected and large sum of 12,360 dollars for the duties; but as I have since learnt, they were determined at all events to become the purchasers in order to obtain an influence in the trade, no just conclusion as to the real value of the duties can be formed from the present very high prices" ("Notices of Pinang", *JLA*, Vol. 5, 1851, hlm. 171).

Hakikat bahawa cita-cita Francis Light menjadi faktor utama penguasaan Pulau Pinang menjadi lebih nyata apabila ditinjau pengetahuan yang ada pada dirinya tentang hal-ehwal dan kedudukan negeri-negeri Melayu. Melalui surat yang dikirimkan oleh Francis Light kepada Gabenor Jeneral India, Lord Cornwallis, yang bertarikh 7 Januari, 1789, beliau telah memberi gambaran lengkap tentang negeri-negeri Melayu yang terletak di sekitar Pulau Pinang dan hasil bumi yang disumbangkan oleh negeri-negeri ini.²¹ Sudah tentu maklumat ini telah diperolehi oleh beliau sebelum menguasai Pulau Pinang. Hal ini tidaklah menghairankan, kerana selaku *country trader* beliau telah menjalinkan hubungan yang erat dengan pemerintah Negeri-negeri Melayu. Justeru itu beliau sedar jika Pulau Pinang dijadikan pelabuhan bebas, pasti akan memudahkan pengumpulan kekayaan dari kawasan-kawasan sekitarnya.²²

Hakikat kepentingan peribadi Francis Light mendahului faktor-faktor lain juga jelas kelihatan daripada tindakannya menguasai Pulau Pinang tanpa memaklumkan kehendak bantuan ketenteraan oleh Sultan Kedah, Raja Abdullah Mahrum Shah (1779-1802) kepada Gabenor Jeneral di India.²³ Keputusan Sultan Abdullah untuk memajakkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris sebahagian besarnya adalah didorong oleh kebimbangan baginda

21. Lebih lanjut tentang maklumat yang diperolehi oleh Francis Light tentang Ava, Ujung Salang, Kedah, Perak, Selangor., Rembau, Padang dan Trengganu rujuk (*Singapore Chronicle & Commercial Register, selanjutnya SCCR, 1 Januari, 1835; The New Atlas and The Commercial Gazetteer, 1917, hlm. 3*).

22. Francis Light juga telah meramalkan bahawa setelah Pulau Pinang dibuka, ia akan berjaya menarik pedagang dari Melaka, pantai Coromandel dan kawasan-kawasan lain. Ujung Salang diramalkan dapat menyumbangkan bijih timah berjumlah 500 tan setiap tahun (*SSR(IOL), Vol. 3, f.52*). Menurutnya adalah wajar penduduk yang bakal datang ke Pulau Pinang di beri galakan kemudahan tanah dan diadakan pasukan polis untuk menjamin keselamatan (*East India Company Records Relating to The Straits Settlements, selanjutnya EICRRTSS, Vol. 1, f. 3*).

23. Untuk keterangan lebih lanjut tentang keadaan-keadaan yang membawa kepada penguasaan Pulau Pinang rujuk R. Bonney, *Kedah 1771-1821, The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971, hlm. 52-78); (*EICRRTSS, Vol. 1, f.3*; K.G. Tregonning, "The Founding and Development of Penang 1786-1826," Tesis Ph.D., Universiti Malaya, 1965, hlm. 75).

terhadap penguasaan Burma ke atas Siam dan kemungkinan tercetusnya peperangan Burma-Siam. Untuk mengelakkan Kedah terseret dalam percaturan politik antara kedua-dua negara ini, Sultan Abdullah mendapati adalah bijak untuk mencagarkan Pulau Pinang kepada Syarikat untuk memperolehi bantuan ketenteraan bagi mempertahankan Kedah.²⁴ Sultan sebenarnya telah sanggup menyerahkan Pulau Pinang jika dibayar \$30,000 dolar Sepanyol setiap tahun sebagai ganti rugi menyerahkan monopoli ke atas bijih timah, candu dan rotan.²⁵

Satu hal yang menarik dalam kes ini ialah surat ini ditulis oleh Francis Light sendiri dengan tidak menyebut permintaan ketenteraan Sultan kepada kerajaan India. Daripada tiga pucuk surat yang dihantar oleh Francis Light,²⁶ dalam surat kedua dan ketiga beliau menyatakan tujuan Sultan menyerahkan Pulau Pinang adalah kerana ancaman Belanda.²⁷ Amat nyata Francis Light dengan sengaja tidak mendedahkan permintaan Sultan Kedah kerana kluatir Calcutta tidak akan terima rancangan menguasai Pulau Pinang.²⁸ Ini menjelaskan mengapa beliau tidak mahu menemui Sultan Kedah apabila baginda beberapa kali menjemputnya ke Kedah.²⁹

24. *SSP* (IOL), Vol 2, ff. 33-36.

25. Sultan sebenarnya telah bertegas bahawa baginda hanya akan menerima 30 ribu dolar Sepanyol tetapi Francis Light mengesyorkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris bahawa jumlah yang diminta oleh Sultan terlalu banyak dan menurutnya Sultan akan berbesar hati untuk menerima 10 ribu dolar (*SSP*(IOL), Vol. 3, ff. 2-3).

26. Surat-surat tersebut bertarikh 23 Januari, 1786, 5 Februari, 1786 dan 15 Februari, 1786.

27. "... Light described the Dutch attacks on Riau and Selangor built up a picture of their growing influence in the Straits of Malacca and gave his many reasons why he preferred Penang to Junk Ceylon and Aceh" (Bonney, "Francis Light and Penang", hlm. 148). Beliau meminta majikannya Firma Madras-Jourdan, Sullivan dan De Souza menguasai Pulau Pinang sebelum ia dikuasai oleh Belanda atau kuasa-kuasa lain (Bonney, "Francis Light and Penang", hlm. 137). "He grimly warned that if the firm rejected the proposals, the Sultan would turn to the Dutch or Danes and should the Dutch have it they would possess the entire command of the whole streights [sic]" (Bonney "Francis Light and Penang". 1965, hlm. 148).

28. "It would seem that Light deliberately made no mention of these facts for fear that Calcutta would not accept Penang in order not to be dragged into a war with Burma or Siam. On the other hand, what he did was to play up the fear of the growth of Dutch in the Straits, a fear to which the Company was particularly sensitive and to which it quickly responded" (Bonney, "Francis Light, the Nonya and Penang", hlm. 33).

Sesungguhnya cita-cita Francis Lightlah yang menjadi faktor penting penguasaan ke atas Pulau Pinang. Ini dapat dilihat melalui tindakannya memajukan pulau ini sebagai pelabuhan bebas tanpa kebenaran kerajaan India; kekayaan yang diperolehi melalui sistem tanah bersama James Scott; penguasaan Pulau Pinang tanpa memaklumkan kehendak bantuan ketenteraan Sultan Kedah, Raja Abdullah kepada Gabenor Jeneral India dan pengetahuannya yang mendalam tentang hal-ehwal dan kedudukan negeri-negeri Melayu.

KEPENTINGAN MENARIK PEDAGANG-PEDAGANG TEMPATAN UNTUK MENGIKIMBANGI PERDAGANGAN NEGERI CHINA

Tindakan Francis Light memajukan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas juga dipengaruhi oleh keinginannya untuk mengimbangi perdagangan dengan negeri China.³⁰ Francis Light sedar satu cara untuk mengimbangi perdagangan China adalah dengan mengumpulkan hasil Kepulauan Melayu seperti timah, lada-hitam, sarang burung dan rempah-ratus.³¹ Barangan-barangan ini hanya akan dibawa oleh pedagang-pedagang Melayu ke penempatan baru ini. Francis Light berpendapat dengan memberikan kebebasan kepada pedagang

29. "... explains why Light never had the courage to meet the Sultan when the latter literally pleaded to him to come over to Kedah in 1786 and 1787 for consultations-he always gave the excuse that he was busy" (Bonney, "Francis Light, The Nonya and Penang", hlm. 34).

30. SSR (IOL), Vol. 3, f. 60.

31. Import utama Pulau Pinang adalah dari England dan India. Barangannya terdiri daripada *piece goods* (*wollen*, kapas dan kain sutera), barangan logam, ubat bedil dan besi. Barangan ini dijual di Pulau Pinang untuk hasil Kepulauan Melayu atau dikenali sebagai *Straits produce* seperti beras, timah, rempah-ratus, rotan, emas-urai, gading, ebony dan lada (J. Bastin, "A Historical Sketch of The Circumstances which led to the Settlement of Penang and of the Trade to the Eastward Previous to, and since that Period", *JMBRAS*, Vol. 32, Pt. 1, 1959, hlm. 53). Sebahagian besar daripada barangan ini datang dari negeri-negeri yang terletak berdekatan dengan Pulau Pinang iaitu Burnia, Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Mereka yang bertanggungjawab dalam membawa barangan ini ke Pulau Pinang ialah pedagang-pedagang tempatan. Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang hasil-hasil bumi di negeri-negeri sekitar Pulau Pinang, rujuk S.G. Leith, *A Short Account of the Settlement, Produce and Commerce of Prince of Wales Island in the Straits of Malacca*, London, J. Barfield, 1804, hlm. 30. Rujuk juga SSR (IOL), Vol. 2, f. 10.

Bugis dan Melayu, mereka akan berjaya mengumpulkan hasil Kepulauan Melayu bernilai 9 juta dolar Sepanyol.³²

Francis Light juga sedar akan bahaya yang ditempuhi oleh pedagang-pedagang tempatan di Kepulauan Melayu dan Selat Melaka pada penghujung abad ke-18. Menurutnya, pedagang-pedagang Melayu telah melalui pelbagai risiko yang besar untuk membawa barangan mereka ke Pulau Pinang.³³ Mereka terpaksa melawan arahan Belanda dan sekatan raja-raja Melayu. Oleh yang demikian, segala galakan perlu diberikan untuk menarik mereka ke Pulau Pinang. Antaranya termasuk kebebasan pelabuhan, jaminan keselamatan, kemudahan beristirahat (*convenient repository*), kebebasan trafik dan layanan yang baik.³⁴ Tambahan pula melalui dasar tidak mengenakan cukai diharapkan perdagangan tidak berpindah ke tanah besar yang terletak di luar kawalan Syarikat Hindia Timur Inggeris dan merupakan sarang lanun.

Rancangan tidak mengenakan cukai juga merupakan penyelesaian kepada kemungkinan membiaknya kegiatan lanun dan penyeludupan di Kepulauan Melayu.³⁵ Kegiatan penyeludupan dikatakan menjadi-jadi di Kepulauan Melayu, khususnya di Selat Melaka apabila duti dikenakan ke atas perdagangan oleh

32. SSR (IOL), Vol. 4, ff. 8-9.

33. "Light, still trading on his own account while Superintendent of the settlement, was only too well aware of the advantages of keeping the port free since he was conscious of the practical difficulties that faced trade in the Straits of Malacca and the archipelago at the end of the eighteenth century and realised that every encouragement was needed if native merchants were to be attracted to Penang" (Courtenay, *A Geography of Trade and Development...*, hlm. 66).

34. C.E. Wurtzburg, "A Letter from Captain Light to Lord Cornwallis", Dated 20th June, 1788", *JMBRAS*, Vol. 16, 1938, hlm. 115.

35. "To lay a duty upon imports and exports, however small, will in some measure retard the intention of Government, in rendering this Port a Magazine of Commerce; The charge of collecting will consume the greatest part of the collections, and a spirit of smuggling will be introduced, whose Evils are innumerable" (Surat Kapten Light kepada Gabenor Jeneral India, Lord Cornwallis, 20, Jun, 1788, memetik dari Wurtzburg, "A Letter from Captain Light...", hlm.115).

kuasa-kuasa lain. Kegiatan penyeludupan berlaku bertujuan untuk menjual barangan berkenaan dengan kos yang rendah di kawasan lain. Dasar-dasar sekatan juga menyebabkan pemerintah-pemerintah tempatan memberontak dan pedagang tempatan lari ke kawasan-kawasan lain untuk menjual hasil mereka.³⁶

Pada pandangan Francis Light, apabila kebebasan pemerintah-pemerintah tempatan dibendung daripada mendapatkan hasil melalui percukaian atau "hadiah", ini merintis jalan kepada penularan beberapa gejala yang lebih buruk. Menurutnya:

*The Rajas deprived of their revenue which consisted in profits upon particular Articles of Commerce, Dutys and Presents, are constrained to procure a necessary maintenance of the Country, this introduces disaffection, complaint, jealousys and Broils and Piracys.*³⁷

Francis Light melihat perdagangan bebas dan pelabuhan bebas sebagai senjata yang dapat menjamin keuntungan yang besar dan sebagai alat untuk mengalahkan Belanda yang menjalankan dasar monopoli di Selat Melaka. Menurut Light, satu cara untuk memenangi pedagang-pedagang tempatan daripada cengkaman Belanda adalah dengan memberi jaminan keselamatan kepada pedagang-pedagang ini.³⁸

Pada masa yang sama dasar perdagangan yang bersifat liberal diperlukan kerana pulau ini tidak menghasilkan sebarang hasil pertanian yang menguntungkan. Barangan yang sesuai untuk dibekalkan ke China pula dibawa

36. *"Several of the Bugessie [sic] Princes established themselves in the Straits of malacca [sic], at Salaengore [sic], and Rheo [sic] for the conveniency of selling their own Manufactures and purchasing those of India"* (Surat Kapten Light kepada Gabenor Jeneral India, Lord Cornwallis, 20 Jun, 1788, memetik dari Wurtzburg, "A letter from Captain Light..." hlm. 117)

37. (Surat Kapten Light kepada Gabenor Jeneral India, Lord Cornwallis, 20, Jun, 1788 memetik dari Wurtzburg, "A letter from Captain Light...", hlm. 121).

38. *"Did not the Dutch keep a strict watch over the Malays, most of them would leave Malacca; forty of them had prepared to come in the 'Drake', but were stopped by order of the (Dutch) Government; and not a man is allowed to leave Malacca without giving the securiry he will not go to Penang... The contempt and derision with which they treat this place, and the mean dirty art to prevent people coming here, would dishonour any but a Dutchman"* (L.A. Mills, "British Malaya 1824-1867", *JMBRAS*, Vol 33, Pt. 1960, hlm. 37).

dari pulau-pulau sekitarnya. Oleh itu tindakan tidak mengenakan cukai merupakan satu-satunya penyelesaian bagi mengumpulkan hasil Kepulauan Melayu. Tambahan pula, jika cukai masih dikenakan, cukai ini tidak seimbang dengan risiko yang ditanggung oleh pedagang-pedagang tempatan untuk mengunjungi Pulau Pinang.³⁹ Keadaan ini ditambah pula dengan sokongan yang diberikan oleh pemerintah-pemerintah tempatan kepada Francis Light.⁴⁰ Ini berkemungkinan besar telah memberi keyakinan tambahan kepadanya untuk meneruskan falsafah perdagangan bebas di Kepulauan Melayu.

Tindakan menganjurkan dasar perdagangan bebas juga telah menjamin kemasukan pedagang-pedagang tempatan lain khususnya kaum Cina ke Negeri-negeri Selat. Pedagang Cina yang telah biasa dengan dasar-dasar perdagangan bebas di Kepulauan Melayu mengalu-alukan langkah Negeri-negeri Selat memperkenalkan "Free Trade" ini.⁴¹

39. *"The Malays if they find goods in no greater variety here (Penang), than in a ship, and the profits reduced by Dutys [sic] equal to Malacca, will prefer going to a Port where they have no risque, and where, tho' their Profits are small, they are sure of meeting with a great choice of Commoditys"* (Surat Kapten Light kepada Gabenor Jeneral India, Lord Cornwallis, 20 Jun, 1788, memetik dari Wurtzburg, "A Letter from Captain Light...", hlm. 115).

40. "Notices of Pinang", *JIA*, Vol. 1858, hlm. 187-190.

41. Francis Light menggambarkan orang China sebagai "... *the most valuable part of our inhabitants*" (*SSR (IOL)*, Vol. 6, ff 121-122). Kepentingan kaum Cina ini telah mendorong Penguasa Pulau Pinang, Phillip Mannington (1794-1795) meminta Gabenor Jeneral India, Sir John Shore menggalakkan penghijrahan kaum Cina dari Canton dan Macao. *"I most earnestly wish and initial your support in giving every encouragement to the importation of Chinese to the colony from Canton, Macao and it cannot be effected more forcibly than by your Select Committe and Resident Supercargoes there, to use every endeavour in their power to prevail, on all bricklayers, brick and file makers, stone cutters, carpenters, people concerned in every kind of agriculture, in particular merchants. Every encouragement will be given to make themselves comfortable, and that the Company will bear the expenses for three months after their arrival, will allot them any spot of ground they wish to clear and cultivate free of Taxes or any duties whatever for four years and will advance them a small sum of money to enable them to prosecute their views"* (*SSR(IOL)*, Vol. 7, ff. 230-231).

Mengikut Norman Macalister, Penduduk Pulau Pinang pada tahun 1800 ialah 30 ribu orang dan daripada jumlah ini, 12 ribu berbangsa Cina (N.Macalister, *Historical Memoir Relative to Importance Political and Commercial: Submitted to the Honourable The East India Company and the Government and Legislative of Great Britain*, London, J.H. Hart, 1803, hlm. 22).

Allen dan Donnithorne dalam buku, *Western Enterprise in Malaya and Indonesia* menyifatkan kehadiran orang Cina di rantau Asia Tenggara sebagai *flag followed the Chinese* yang bermaksud mereka datang dahulu ke kawasan ini dan kemudian barulah diikuti oleh Inggeris. Kenyataan-kenyataan seperti ini memperkukuhkan lagi hujah bahawa tindakan mewujudkan pelabuhan bebas di Negeri-negeri Selat berkemungkinan besar adalah untuk menarik pedagang-pedagang Cina.⁴²

Seperti yang diimpikan oleh Francis Light, Pulau Pinang mengalami kepesatan perdagangan dan pertambahan penduduk sejak diterokai. Dua tahun selepas diduduki, penduduknya meningkat kepada 1,000 orang.⁴³ Pada tahun 1793, penduduknya telah meningkat kepada 5,000 orang⁴⁴ dan menjelang tahun 1804 jumlahnya meningkat kepada 12,000 orang.⁴⁵ Antara tahun 1813-1825, penduduknya telah meningkat menjadi lima kali ganda.⁴⁶ Dari segi nilai eksport

42. Lebih lanjut tentang peranan orang Cina, rujuk G.C. Allen dan A.G. Donnithorne, *Western Enterprise in Indonesia & Malaya*, London, 1957, hlm. 39; "Notices of Pinang" JIA, Vol. 5, 1851, hlm. 1-14; Vol. 6, 1852, hlm. 18-32, 150-151, 170.

43. *SSR* (IOL), Vol. 3. f. 15.

44. Berhubung dengan bilangan penduduk di Pulau Pinang terdapat perangkaan yang berbeza-beza diberikan oleh sumber-sumber yang berlainan. Mengikut Skinner, penduduknya melebihi 10 ribu orang pada penghujung tahun 1789 dan lebih daripada 20 ribu orang pada tahun 1795 (A.M. Skinner, "Memoir of Captain Francis Light", *JSRAS*, Vol. 28, 1895, hlm.4).

45. Leith, *A Short Account of the Settlement...*, hlm. 29.

46. Jumlah Penduduk Pulau Pinang dari Tahun 1813-1825

| Tahun | Jumlah |
|-------|--------|
| 1813 | 32,333 |
| 1814 | 33,269 |
| 1815 | 28,862 |
| 1816 | 37,445 |
| 1817 | 36,570 |
| 1818 | 34,955 |
| 1819 | 37,366 |
| 1820 | 37,621 |
| 1821 | 38,505 |
| 1822 | 45,127 |
| 1823 | 52,183 |
| 1824 | 53,669 |
| 1825 | 52,334 |

Sumber: *SSR* (SNL) (K5, f. 72).

dan import, nilainya pada tahun 1789 hanyalah \$853,592 dolar Sepanyol, tetapi menjelang tahun 1804, jumlah ini telah meningkat kepada \$1,418,200 dolar Sepanyol.⁴⁷

Dengan ini jelaslah bahawa dengan menganjurkan dasar perdagangan bebas di Kepulauan Melayu, Light berjaya mencapai beberapa matlamat penting.⁴⁸ Antaranya yang paling penting ialah beliau berjaya memenangi pedagang-pedagang tempatan dan mengumpulkan hasil Kepulauan Melayu untuk kepentingan perdagangan dengan China.⁴⁹

47. Leith, *A Short Account*, hlm. 57-59.

48. Langkah memajukan dasar perdagangan bebas dikatakan telah membawa beberapa faedah, antaranya:

(a) Penjualan candu dikatakan telah meningkat. Dahulunya perahu-perahu dari kawasan jauh tidak dapat datang ke Pulau Pinang untuk membeli barangan ini disebabkan pelbagai sekatan, tetapi kini kerana perdagangan bebas, ia dibenarkan. Pada tahun 1789, dikatakan 300 peti candu dijual di Pulau Pinang. Penggunaan tahunan candu di Pulau Pinang pada tahun 1808 dikatakan berjumlah 60 peti. Dua ratus peti lagi diagihkan dari Pulau Pinang ke kawasan-kawasan lain. Penggunaan candu Syarikat Hindia Timur Inggeris di Kepulauan Melayu untuk setahun dianggarkan berjumlah 1,000 peti. Dalam keadaan ini telah menjadi hasrat Inggeris untuk menjamin kebebasan kepada perahu-perahu dari Kepulauan Melayu untuk mendapatkan candu dari Pulau Pinang.

(b) Dasar pelabuhan bebas Pulau Pinang juga dikatakan menggalakkan orang-orang Melayu membuat pelayaran yang lebih menguntungkan tanpa halangan. Untuk setiap barangan yang di bawa, ia mempunyai pembeli (*SSR(IOL)*, Vol. 4, ff. 1-6).

(c) Di Timur Sumatera dan pantai Semenanjung dikatakan terdapat pelbagai barangan dagang yang berharga seperti bijih timah, emas, perak, beras, lada hitam, damar, rotan, minyak, wax, gading, cassia dan lain-lain. Sebelum pembukaan Pulau Pinang, hasil-hasil ini tidak diendahkan dan penduduk di sini juga tidak tahu ke mana untuk di jual hasil-hasil tersebut. Sesungguhnya pembukaan Pulau Pinang telah membawa rahmat kepada mereka. *"They have now brought their goods to Penang, and find the produce of their land is no longer useless..."* (*SSR(IOL)*, Vol. 4, ff. 1-6).

49. Export dan Import perdagangan tempatan Pulau Pinang melalui kapal-kapal Melayu dalam dolar Sepanyol adalah seperti berikut:

MELAWAN MONOPOLI BELANDA

Tindakan Francis Light menganjurkan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas juga bertujuan untuk menyaingi Belanda.⁵⁰ Menurut Francis Light, sejak penubuhan Syarikat Hindia Timur Belanda pada abad ke-17, Belanda telah memonopoli hampir keseluruhan perdagangan Eropah dengan Kepulauan Hindia Timur.⁵¹ Betawi di pulau Jawa yang terletak di kawasan strategik untuk mengawal perdagangan telah dijadikan pusat kegiatan Belanda di Hindia Timur.⁵² Kapal-kapal China tidak dibenarkan masuk ke Selat Melaka tanpa mendapat surat kebenaran dari Betawi dan pedagang-pedagang Portugis juga harus membayar sejumlah wang tertentu untuk menggunakan Selat Melaka.

Belanda mengekalkan kekuasaan mereka di perairan ini pada tahun 1786 dengan menyediakan angkatan tentera yang dikatakan terdiri daripada 6 kapal perang, beberapa kapal pengawal dan banyak lagi kapal tambahan.⁵³ Keadaan menjadi bertambah buruk apabila Belanda menawan Riau pada tahun 1784. Riau sebelum ini merupakan satu-satunya pelabuhan Melayu yang menjamin

| Tahun | 1790 | 1791 | 1792 |
|--------|---------|---------|---------|
| Import | 119,028 | 185,395 | 224,533 |
| Export | 123,949 | 136,466 | 317,414 |
| Jumlah | 243,977 | 321,861 | 541,947 |

Sumber: (T. Braddell, *Statistics of the Population, Commerce, Agriculture, Revenue and Government Establishments of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Pinang, Pinang Gazette, 1861, hlm. 5).

50. "... the Dutch are seizing every vacant place, it would still be necessary to have a factory here, in order to preserve a communication with the Malays and Buguese and share some part of a profitable trade" (SSR (IOL), Vol. 2, f. 43).

51. *PWTG*, 12 Jun, 1819; *SCCR*, 8 Mac, 1832.

52. J.R. Bruijn, "Between Batavia and The Cape: Shipping Pattern of the Dutch East India Company", *JSEAS*, Vol. 11, No. 2, 1980, hlm. 253.

53. Rujuk juga *PWTG*, 12 Jun, 1819.

pelayaran yang selamat kepada pedagang-pedagang Inggeris dan kapal-kapal tempatan dari Kepulauan Maluku, Filipina, Borneo dan Sulawesi. Apabila Riau dikuasai oleh Belanda, keperluan untuk menguasai sebuah pelabuhan baru menjadi amat perlu.⁵⁴ Syarikat Hindia Timur Inggeris juga kehilangan sebahagian besar perdagangan bijih timah Riau yang kini jatuh ke tangan Belanda. Riau juga merupakan pusat penjualan candu England. Jika satu kawasan yang strategik tidak dicari untuk pedagang Bugis membeli candu England, maka England harus melupakan sahaja hasratnya untuk memonopoli perdagangan Melayu yang akan dimonopoli sepenuhnya oleh Belanda.⁵⁵

Dapatlah dikatakan bahawa penguasaan Pulau Pinang merupakan percubaan serius England untuk memusnahkan monopoli Belanda di kepulauan sebelah Timur. Kenyataan ini menggambarkan dengan jelas mengapa Pulau Pinang harus dijadikan sebuah pelabuhan bebas.⁵⁶ Tidak dapat dinafikan bahawa tindakan Francis Light menguasai Pulau Pinang telah memenuhi matlamat

54. Keperluan untuk menguasai sebuah penempatan baru juga bertujuan untuk memulihkan semula perdagangan orang-orang Melayu dengan Inggeris. *"It therefore became more than ever necessary for the English to establish a fortified settlement in the vicinity of the Straits, so that the Malay Powers might be encouraged to resume commercial relations and be protected from the vengeance of the Dutch"* (A. Aspinall, *Cornwallis in Bengal, The Administrative and Judicial Reforms of Lord Cornwallis in Bengal, Together with Accounts of the Commercial Expansion of the East India Company, 1786-1793, and of the Foundation of Penang, 1786-1793*, London, Manchester University Press, 1931, hlm. 197. Rujuk juga *Sumatra Factory Records*, selanjutnya *SFR*, Vol. 30, ff. 341-342.

55. *"The English Company's rivalry with the Dutch, and the loss of their cargoes of spices and tin for the China trade, were, therefore, additional incentives to take Penang. They hoped that the new settlement would soon become 'the emporium of the eastern commerce', by which the trade of Bengal and the west parts of India will be connected with that of China"* (Aspinall, *Cornwallis in Bengal...*, hlm. 197). Rujuk juga *SSR (IOL)*, Vol. 2, ff. 65-66.

56. Dalam surat Francis Light yang bertakrih 10 Jun, 1787 beliau telah menegaskan bagaimana Pulau Pinang akan dapat berkembang maju jika kerajaan memberi perlindungan kepadanya. Menurut beliau: *"... situated advantageously for commerce... it is imagined may be pushed to maximum by putting it under proper regulations and by giving protection to the oppressed. For so oppressive are the Dutch regulations, that many will claim your protection to be freed therefrom"* ("Notices of Pinang", *JIA*, Vol. 4, 1850, hlm. 638).

serampang dua mata. Pertama, berjaya memecahkan dominasi Belanda dan kedua, memenangi sokongan pemerintah-pemerintah tempatan.⁵⁷

KETIDAKSESUAIAN PULAU PINANG UNTUK KEGIATAN PERTANIAN

Setelah menyedari hakikat bahawa Pulau Pinang tidak mempunyai sebarang hasil untuk perdagangan eksport, Francis Light bertindak memajukan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas. Pada peringkat awal, tanaman seperti padi, buah-buahan, kelapa, gambir dan tebu telah diusahakan dengan giat tetapi tidak dieksport. Hanya pada tahun 1804 barulah Pulau Pinang mengeksport lada hitam bernilai 400,000 dolar Sepanyol dan pinang bernilai 240,000 dolar Sepanyol. Dua lagi tanaman jualan, iaitu kopi dan kapas diperkenalkan pada tahun 1808 dan 1813 tetapi tidak berjaya. Oleh itu pada peringkat awal penguasaan Pulau Pinang, Francis Light berpendapat pemansuhan cukai sepenuhnya merupakan cara terbaik untuk mendapat hasil eksport dari negeri-negeri di sekitarnya. Sehubungan dengan ini pentadbirannya juga diubah suai dengan bercirikan *Laissez-Faire*⁵⁸ untuk mendatangkan pendapatan yang lebih.

57. *"The aquisition of Prince of Wales Island may therefore be said to mark the beginning of a serious attempt on the part of the English to destroy the Dutch monopoly of trade in the eastern archipelago: a monopoly which had excited the resentment of European rivals, as well as the hatred and fear of the petty Malay Powers whose trade was arbitrarily regulated from Batavia and Malacca"* (Aspinall, *Cornwallis in Bengal...*, hlm. 198).

58. *Laissez-Faire* dalam konteks Pulau Pinang merujuk kepada dasar-dasar liberal dalam perdagangan dan pentadbiran yang diperkenalkan semata-mata untuk menarik pedagang-pedagang tempatan dan asing. Untuk memenangi kaum Cina, England menggalakkan mereka membentuk kesatuan mereka sendiri tanpa mencampuri urusan mereka. *"So free from irksome restrictions was British rule, that they (Chinese) almost forgot, that they were in a foreign country, and looked upon Penang and Singapore as Chinese cities, the administration of which was left in British hands. With no desire to assume the wearisome task of governing themselves and indifferent to who ruled them so long as their business was not interfered with, they regarded the British as inexplicable philanthropists who for some quite indiscoverable motive took all the burdens of administration off their shoulders, and left them at full liberty to make as much money as they chose"* (Mills, *"British Malaya"*, *JMBRAS*, Vol. 3, Pt. 2, 1925, hlm. 438). Hal ini juga diakui oleh Sandhu.

Apabila Gabenor Jeneral India, Lord Cornwallis mencadangkan Syarikat Hindia Timur Inggeris harus mengenakan duti import di Pulau Pinang, Light menegaskan cukai seumpama ini tidak akan menggalakkan perdagangan. Menurut Light:

... as this island [Pulau Pinang] produces nothing of a commercial nature in itself, but every article fit for the China market to be procured as it is brought from the surrounding countries by the Malays, whose chief inducement to visit it has been the Great Freedom of trade, that inducement ceasing, the imports would become too inconsiderable to defray the expence of collecting duties on them. ... it cannot be expected, that a revenue can be raised at a early period equal to the charges of Government. A little more time, when the trade is extended and become established by proper support and encouragement, may than show the Honourable Company the advantages resulting from the island...⁵⁹

Dasar liberal dalam perdagangan ini juga bersesuaian dengan kehendak pedagang-pedagang Pulau Pinang. Pada 19 Mei, 1796, Major Macdonald, Gabenor Jeneral Pulau Pinang membentuk sebuah jawatankuasa untuk melaporkan perdagangan Pulau Pinang.⁶⁰ Dalam laporannya jawatankuasa

menurutnya, *"British rule and laissez-faire trade policy, with which the Chinese had come into contact elsewhere in South-East Asia and which they viewed favourably, accounted for the transfer of numerous Chinese from Malacca to Penang"* (K.S. Sandhu, "Chinese Colonization of Malacca, A Study in Population Change 1500-1957 A.D", *JTG*, Vol. 15, 1961, hlm. 6-7). Jackson pula menyebut, *"One of the basic attractions of the Straits Settlements from the Chinese point of view was the laissez-faire attitude adopted by the British towards the immigrants. For much of the nineteenth century the Chinese were left almost entirely to themselves and were governed through headmen, or Captain China, whom they themselves appointed own internal organization distinct from, and almost completely lacking in integration with the British administrative framework; in short the Chinese established an imperium in imperio in the British settlements"* (J.C. Jackson, *Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786-1921*, Singapore, Craftsman Press, 1968, hlm. 3). Untuk lebih lanjut rujuk juga *EICRRTSS*, Vol. 1, f. 3; Notices of Pinang" *JIA*, Vol. 5, 1851, hlm. 1-14.

59. (*SSR* (IOL), Vol. 3). Untuk lebih lanjut rujuk juga Aspinall, *Cornwallis in Bengal...*, hlm. 204-205.

60. Jawatankuasa ini diwakili oleh Messrs McIntyre, Scott, Lindsay, Hutton, Roebuck, Young, Brown, Sparran, Mackrell dan Nason ("Notices of Pinang", *JIA*, Vol. 5, 1851, hlm. 97).

menentang rancangan mengenakan cukai dengan alasan barangan yang dikumpulkan di pulau tersebut adalah dari kawasan sekitar dan tidak praktikal untuk dicitikai.⁶¹

Dalam keadaan ini satu-satunya cara untuk mengumpul kekayaan di Negeri-negeri Selat ialah dengan menganjurkan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas.

PERANAN STAMFORD RAFFLES DAN CITA-CITA RAFFLES UNTUK MENGUASAI TIMUR

Tindakan Stamford Raffles memajukan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas adalah berlatarbelakangkan cita-citanya untuk membina sebuah empayar di timur dengan memajukan Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas. Beliau ingin menjadikan Singapura sebagai batu loncatan untuk

61. *"... the committee argued forcibly against taxing the trade of the island, as consisting wholly of the produce of other countries, which it is the grand object to induce to be brought and which taxation might scare away, they point out it is the extent of the exchange-trade which gives life, activity, riches, population and cultivation to Pinang. The laying restraints thereon, if but suspected that it might lessen the trade, could not be deemed politic. That by a free exchange, the increase of population, capital and cultivation would present a taxable subject, in the farming the exclusive sale of luxuries to a rich and great population, and a duty on the net produce of an extensive and valuable cultivation"* ("Notices of Pinang", *JIA*, Vol. 5, 1851, hlm. 98). Keperluan untuk Pulau Pinang muncul sebagai pelabuhan bebas juga digesa oleh James Scott. Menurutnya Pulau Pinang harus dijadikan pelabuhan bebas semata-mata untuk berfungsi sebagai pusat pertukaran untuk kawasan-kawasan sekitar. *"... Pinang, at least for the present, be declared a free Port. This will appear wise when it is Considered that the trade is not an import or consumpt; nor an Export of Produce, but a gain in Exchanges of others; and it seems wiser to trust to a sure Revenue from an Encrease of Capital and Population consequent to a free trade, that trust to one on a passing commodity which impediments may move elsewhere: as every duty will hurt more in repressing an import of people and capital than it will benefit in immediate receipts-Besides, the harm done is permanent, the benefit only occasional and uncertain"* (Fielding, "The Settlement of Penang...", hlm. 47). Rujuk juga *SSR (IOL)*, Vol. 7, ff. 264-265.

menyempurnakan impian ini.⁶² Hal ini jelas terbukti daripada surat-suratnya apabila beliau sering menyamakan dirinya dengan Napoleon. Oleh itu tidaklah keterlaluan untuk dikatakan bahawa tindakannya mengadakan pelabuhan bebas dan perdagangan bebas adalah berpunca daripada cita-cita Raffles untuk membina sebuah empayar.

Cita-cita ini dapat direalisasikan oleh Raffles hasil pengalamannya berkhidmat di Kepulauan Melayu selama 19 tahun dan minatnya sendiri untuk memahami keadaan di Kepulauan Melayu.⁶³ Raffles mempunyai maklumat terperinci tentang Kepulauan Melayu.⁶⁴ Berdasarkan pengalamannya, Raffles

62. *The West poured into the Far East, effecting an undreamed of change, the transformation of the whole East by western science, the birth, in fact, of the modern world. Of this Raffles had a glimpse, Singapore was the first, the essential, step towards events of the world magnitude. Its foundation was part of a sequence—the Nile, Trafalgar, Waterloo. The stage was set for Europe's decisive incursion into East Asia. Old Asia was to disappear, a new Asia to be born, the Asia of the Modern World such were the forces which Raffles set in motion by founding Singapore* (M. Collis, *Raffles*, London, Faber and Faber, 1966, hlm. 219).

63. Thomas Stamford Raffles dilahirkan di pelabuhan Jamaica pada 5 Julai, 1781. Tempat lahirnya berkaitan dengan perdagangan yang bakal diperluaskan oleh Raffles. *The place of his birth was appropriate; for Thomas Stamford Raffle's career was to be associated with the expansion of British trade in the tropics* (E. Hahn, *Raffles of Singapore*, Kuala Lumpur, University Malaya Press, 1968, hlm. 1). Kerjayanya pula bermula pada tahun 1795 apabila beliau menjadi kerani di *India House*. Pada tahun 1805, Raffles menjadi pembantu Setiausaha kerajaan Pulau Pinang. Pada tahun 1807, beliau menjadi agen Gabenor Jeneral untuk *Eastern Seas* dan pada tahun 1811, dilantik sebagai Leftenan Gabenor Jawa sehingga tahun 1816. Pada tahun 1818, beliau dilantik sebagai Leftenan Gabenor Bangkokulu (C.M. Turnbull, *A History of Singapore, 1819-1975*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1977, hlm.6). Sepanjang kehadirannya di Kepulauan Melayu, beliau memperkenalkan dasar-dasar liberal dalam bidang pentadbiran, ekonomi dan sosial. Paling ketara ialah pengisytiharan beberapa buah pelabuhan bebas. Pada 7 Disember, 1803 beliau memajukan semula Balambangan sebagai pelabuhan bebas (G. Miller, "Robert Farquhar in the Malay World", *JMBRAS*, Vol. 51, Pt. 2, 1978, hlm. 136). Pada tahun 1818, beliau mengisytiharkan Bangkokulu sebagai pelabuhan bebas ("Notes Illustrative of the Life Services of Sir Stamford Raffles" *JIA*, 1855, hlm. 306-310). Pada tahun yang sama sebuah lagi pelabuhan bebas dibuka di Samangka Bay di Selat Sunda (R.J. Wilkinson, "More on Bencoolen", *JMBRAS*, Vol. 19, Pt. 1, hlm. 112). Raffles meninggal dunia pada 5 Julai, 1826.

64. *Singapore Chronicle* selanjutnya SC 13 Januari, 1831. Untuk lebih lanjut rujuk juga *Raffles Collection*, selanjutnya RC, Vol. 2:1-29, 47-53; Vol. 11, hlm. 207.

telah mengklasifikasikan negeri-negeri Melayu kepada sembilan bahagian untuk memudahkannya meluaskan pengaruh.⁶⁵ Untuk memastikan England dapat bertahan lebih lama di Kepulauan Melayu, Raffles telah menyarankan dasar menjalinkan hubungan yang mesra dengan pemerintah-pemerintah tempatan melalui perjanjian, tidak kira sama ada daerah-daerah berkenaan diserahkan kembali kepada Belanda ataupun tidak.⁶⁶ Sewaktu Raffles berada di Kepulauan Melayu beliau telah menulis surat kepada pemerintah-pemerintah tempatan untuk menjalinkan hubungan yang mesra dengan memberikan pelbagai persembahan. Pemerintah di Banjarmasin, Pontianak dan Brunei juga telah memohon untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Inggeris. Sultan Pontianak dan Brunei telah membuat permintaan mendapatkan perlindungan Inggeris pada tahun 1803 dan 1810. Pemerintah Jawa pula telah memohon perlindungan Inggeris untuk menentang Belanda pada 6 Julai, 1818.⁶⁷ Sewaktu Raffles menjadi Gabenor Bangkahulu penduduk tempatan telah meminta bantuannya untuk menghapuskan kegiatan perhambaan.⁶⁸ Sepanjang kehadiran Raffles di Kepulauan Melayu beliau telah bersungguh-sungguh dalam usahanya

65. *The various groups of states to which what may be emphatically termed our Malay policy may extend, are the following:*

1. *The states of the Malay Peninsula*
2. *The states of the Island of Sumatra*
3. *The states of the Island of Borneo*
4. *The states of the Sunda Isles, comprehending the chain of islands which extend from the Stratis of Sunda to Timor and Celebes, exclusive of Java.*
5. *The states of Celebes*
6. *The states of Sulu and Mindanawa*
7. *The states of Moluccas comprehending Ceram and Banda*
8. *The states of Jilolo or Little Celebes*
9. *The Black Papua States of the New Guinea and The Papua Islands in the vicinity* (RC, Vol. 2:27).

66. "...it will probably appear to be our soundest policy to form the most intimate connections by treaty with those which have indisputable pretensions to independence. This policy will I flatter myself appear obvious whether we contemplate the maintaining the Malay Isles in permanent possession, or the possible transferring the Dutch possessions the event of a peace in Europe (RC, Vol.2 hlm. 27). Rujuk juga "Colonization of The Eastern Archipelago" dalam (Raffles Printed Sources Vol. 1, hlm. 33).

67. SFR, Vol. 47, f. 408.

68. SC, 24 April, 1828.

menghapuskan kegiatan perhambaan.⁶⁹ Ini terbukti daripada proklamasi Nombor V, 1823 yang mengharamkan kegiatan hamba di Singapura.⁷⁰

Raffles juga dikatakan mempunyai sifat-sifat yang disukai oleh penduduk tempatan. Sewaktu melawat Sumatera pemerintah-pemerintah tempatan di situ telah memohon bantuannya:

During the tours Raffles made in May, June and July 1818, the chiefs of the various Sumatra tribes became attracted to him, partly because his manner with them was so easy and pleasant, and also because he was abolishing practices which were oppressive. It is recorded that when he left their territories some of them wept to see him go. They were within the Dutch sphere and humbly asked for British protection.⁷¹

Tindakan penduduk tempatan memohon perlindungan Inggeris juga bertujuan untuk menentang dasar monopoli Belanda. Raffles sebagai seorang liberal abad ke-18 mendapati dasar-dasar Belanda membendung kebebasan individu dan dasar perdagangan mereka pula bertentangan dengan falsafah Adam Smith yang menegaskan setiap individu mempunyai "... the desire to be free, a sense of propriety, a habit of labour and propensity to truck, barter and exchange ...".⁷² Raffles menentang monopoli tradisional Belanda dan menyokong dasar perdagangan bebas. Menurutnyanya:

Commerce is like liberty and will not bear unjust control. Dutch is a jealous power and refuses her blessings to all who would sustain her course - the commerce is the object of our establishment in these seas, why should monopoly exist? Why should the advantages of trade be all on one trade and none on the other. ... commerce should prosper, it is essential that advantages should be reciprocal - why then create and maintain barriers which are directly in the way of the objects we wish to attain.⁷³

Harapan Raffles ialah apabila penduduk tempatan dibebaskan daripada belunggu monopoli Belanda, mereka akan mempunyai kebebasan untuk membeli dan menjual di pasaran yang bebas. Kebebasan ini juga akan membolehkan mereka meningkatkan kedudukan ekonomi dan membeli

69. *Papers Relative to Stamford Raffles and Java, 1814*, hlm. 50. Rujuk juga *PWIG*, 12 Jun. 1819.

70. *SSR (SNL)*, L17, ff. 284-292.

71. M. Collis, *Raffles*, London, Faber and Faber, 1966, hlm. 129.

72. E. Roll, *A History of Economic Thought*, London, Faber and Faber Ltd., 1953, hlm. 146.

73. *SFR*, Vol. 49, f. 517.

barangan England.⁷⁴ Berdasarkan pengalaman Raffles di Kepulauan Melayu beliau mendapati dasar perdagangan Belanda menyebabkan pemerintah Melayu berpecah dan menjadi punca kepada pembentukan negeri-negeri kecil dan berkembangnya kegiatan lanun.⁷⁵

Penerimaan Melaka oleh Inggeris dari tangan Belanda pada tahun 1795 telah menyaksikan pemansuhan dasar-dasar monopoli Belanda. Inggeris telah menarik balik larangan ke atas perdagangan persendirian seperti candu, rempah-ratus, timah, pakaian dan lada. Turut dimansuhkan ialah cukai ke atas penjualan ikan, buah-buahan, sayur-sayuran dan beras. Tindakan ini merangsangkan perdagangan dengan beberapa buah negeri pengeluar bijih timah di sekitar Melaka. Sesungguhnya dasar-dasar liberal yang telah diperkenalkan sebelum kehadiran Raffles telah menyebabkan dasar-dasar liberalnya⁷⁶ diterima dengan lebih terbuka.

Jelaslah bahawa tindakan Raffles memelopori dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas adalah berasaskan kefahamannya terhadap kehendak-kehendak penduduk tempatan dan setelah diperkenalkan dasar-dasar yang liberal di Kepulauan Melayu. Raffles merumuskan kemampuan England untuk berdiri tegak di Timur adalah semata-mata kerana dasar liberal.⁷⁷

74. *SFR*, Vol. 49, f. 714.

75. "... European policy which first destroyed the independence of their more respectable states and subsequently appropriated to itself the whole trade of the Archipelago, left them without means of honest subsistence, while by the extreme severity of its tortures and punishments it drove them to a state of desperation. Thus piracy became honourable, and that devotion which on another occasion would have been called a virtue became a crime" (*SCCR*, 27 Disember, 1832). Untuk lebih lanjut rujuk surat Raffles kepada William Petrie, Esquire Gabenor dalam Konsul, Prince of Wales Island, 18 Februari, 1814 dalam "Raffles and the Indian Archipelago" (*JIA* (N.S.), Vol.1, 1856, hlm. 266-290).

76. Berhubung dengan dasar-dasar liberal Raffles di Kepulauan Melayu rujuk J. Bastin, *Statement of the Services of Sir Stamford Raffles*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1978, hlm. 6-27; E. Hahn, *Raffles of Singapore*, hlm. 74-79, 110-115; "Notes Illustrative of Life and Service of Sir Stamford Raffles", *JIA*, 1855, hlm. 307-309; Sophia Raffles, *Memoir of the Life...*, hlm. 42-56; H.R.C. Wright, "The Freedom of Labour Under Raffles Administration in Java 1811-1816," *JMBRAS*, 1953, Vol. 26, Pt. 1, hlm. 105-110.

77. "The supremacy of Great Britain having now been established over the whole of the continent of India, and our Empire consolidated by the late territorial acquisitions and by the liberal principles and enlightened policy which have raised it to the present pitch of unrivalled eminence and prosperity" (*SFR*, Vol 50, f. 41).

Matlamat Raffles memajukan dasar perdagangan bebas juga bertujuan untuk menarik pedagang-pedagang tempatan dari pelabuhan-pelabuhan Belanda. Sebelum kedatangan kuasa Barat, Bantam dan Aceh merupakan dua buah pusat perdagangan penting di Kepulauan Melayu. Dengan kehadiran Belanda kedudukan Bantam diambilalih oleh Betawi dan dasar-dasar Belanda juga dikatakan telah menamatkan kedudukan Melaka. Kepulauan Maluku telah dibendung kenaikannya apabila Belanda mendirikan penempatan di Makasar. Menurut Raffles, apa yang diperlukan ialah polisi yang berlawanan untuk menarik perdagangan ke pelabuhan entrepot Pulau Pinang dan Singapura.⁷⁸ Justeru itu Raffles berpendapat dasar yang sebaiknya digunakan untuk memajukan perdagangan ialah dengan memperkenalkan perdagangan bebas.

... our establishments should be directed to no partial or immediate views of commercial profit but to the preservation of free and unrestricted commerce, and to the encouragement and protection of individual enterprise and the interests of the general merchant.⁷⁹

Bagi Raffles penubuhan pelabuhan-pelabuhan Inggeris di timur haruslah dilihat sebagai memenuhi matlamat perdagangan bebas dan bukan untuk meluaskan kuasa. Beliau menambah, berasaskan prinsip inilah Singapura dan Bangkahulu diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas. Tindakan ini dipercayai akan memajukan perdagangan Inggeris dan mewujudkan persaingan yang sihat.⁸⁰

78. *"Thus by the possession of Penang and Singapore we have the means of reviving and reestablishing at least two of the ancient emporia"* (Wurtzburg, *Raffles of the Eastern Isles*, hlm. 550-551).

79. *SFR*, Vol. 50, f. 30.

80. *"All establishments to the Eastward must be looked upon as an entry for these purposes (meluaskan perdagangan), and these purposes alone. They are to be considered as so many outposts or stations erected for the convenience and security of our general commercial interest and not as Government intended for the rule and detailed management of a dominion. On these general principles the port of Singapore has been declared free, and no duties or restrictions whatever have been allowed to be imposed on commerce- The same principle has been extended to Bencoolen and I shall here after have occasion to advert to the necessity which exist of establishing the same throughout our Eastern Establishment, as the only and the most effectual means of improving our commerce, and affording a fair chance of competition and successful rivalry"* (Surat Raffles kepada Setiausaha Syarikat Hindia Timur Inggeris di London pada 28 Disember, 1819 *SFR*, Vol. 50, f. 31).

Raffles sedar bahawa untuk menarik pedagang-pedagang tempatan ke Singapura, pelabuhan tersebut perlu dikecualikan daripada cukai.⁸¹ Raffles juga percaya perdagangan bebas akan membantu mewujudkan satu sistem yang seragam di seluruh Kepulauan Melayu.⁸²

*Free trade for Raffles was a thing of the future. What he regarded as a liberal element in his economic policy was the idea of establishing a uniform system of regulations throughout the whole Archipelago, by means of fixed ports. These would prevent Arabs, Chinese, Americans and other unprincipled adventurers from undermining British interests in the islands.*⁸³

Sejarah telah membuktikan kebenaran ramalan Raffles. Ramalan beliau dapat dilihat dengan nyata apabila Singapura dimajukan sebagai pelabuhan bebas dan berjaya menarik pedagang dan kapal dagang daripada semua bahagian Kepulauan Melayu. Menurut laporan Raffles pada 23 Jun, 1819 tiga bulan setelah Singapura dimajukan tidak kurang 167 buah kapal telah masuk ke pelabuhan tersebut. Ini termasuklah kapal-kapal kecil dari pelabuhan Riau yang bilangannya hampir-hampir seratus buah. Adalah dikatakan ramai duta dan pembesar Melayu ke Singapura mengucapkan tahniah di atas penguasaan Singapura dan mengharapkan perlindungan dan pakatan British. Antaranya yang paling ketara adalah permintaan daripada pemerintah Trengganu dan Kelantan.

*From Tringano I found in the harbour one of the Sultan's vessel which his Highness had despatches with Rui[sic] and other supplies immediately on having our establishment. This state is one of the most important on the Eastern side of the Peninsula and has hitherto escaped the influence of the Dutch; the Sultan and principal chiefs availed themselves of this occasion to express their anxiety and desire to cultivate a more intimate and closer connection with our Government. The same anxiety has been expressed on the part of the chief of Kalantan[sic] a rising and flourishing state lying between Tringano and Siam - The people of these countries seem to consider the British alliance and protection essential to their interest and prosperity.*⁸⁴

81. SC, 16 Disember, 1820.

82. Lebih lanjut rujuk Sophia Raffles, *Memoir of The Life*, hlm. 77.

83. J. Bastin, "Raffles and British Policy in the Indian Archipelago 1811-1816", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt. 1, 1954, hlm. 91.

84. Laporan Raffles dari Singapura pada 22 Jun 1819, *SFR*, Vol. 47, f. 807.

Sehubungan dengan ini juga jumlah perdagangan dan penduduknya bertambah. Tidak sampai setahun selepas Singapura diasaskan kapal-kapal dari Siam, Cambodia, Kelantan, Terengganu, Pahang, Brunei, Borneo Selatan, Sulawesi dan Timur Sumatera mendarat di Singapura.⁸⁵ Singapura juga telah menjalin hubungan perdagangan dengan China, negara-negara Eropah, Amerika, India, Jawa, Sumatera, Bali dan Kepulauan rempah. Barangan yang diperdagangkan pula meliputi rempah ratus, bijih antimoni, candu, sutera, rotan, habuk emas dan lain-lain.

Raffles sendiri pernah berkata bahawa lokasi Singapura cukup sesuai untuk menarik pedagang-pedagang Siam, Cambodia, Champa, Cochin-China dan China. Menurutnya setiap kali para pedagang berkunjung ke rantau ini, Selat Singapur adalah yang menjadi tarikan. Beliau menambah jika pasaran boleh ditemui untuk barangan mereka sewaktu mereka ke sini, maka sudah tentu tidak akan mendorong mereka bergerak ke tempat yang lebih jauh, atau yang lebih mahal seperti Betawi. Menurutnya lagi, Siam kini menjadi pusat perdagangan penting di utara dan secara pesat meluaskan perdagangan tempatannya dan adalah dipercayai keseluruhan perdagangan akan berpusat di Singapura. Singapura menurutnya memendekkan tempoh waktu pelayaran kepada kurang daripada enam hari, iaitu tempoh waktu yang sama yang diperlukan untuk belayar ke sini dari Betawi, pantai Borneo dan Pulau Pinang.⁸⁶

85. Mengikut akhbar *Singapore Chronicle*, bertarikh 27 Mac, 1828 dalam masa 3 bulan selepas Singapura diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas perdagangannya berkembang pesat dan pendapatan yang diperolehinya juga meningkat. *"That in the year 1819, the settlement of Singapore, at that time resorted to chiefly by pirates, was taken possession off by the British Government and made a free port; and in 1827, its import trade amounted to 13, 387, 185 sicca rupess, with a corresponding export thus showing the extensive benefits to be derived from a free commercial intercourse and altogether affording a greatly increased and increasing field of employment for British shipping"*. Taraf pelabuhan bebas Singapura juga membawa faedah kepada kapitalis England, Menurut John Bull, *"I am glad to find that Singapore is (has) become an object, to which English capital is devoted, all the way from home. English capital is now building houses and godowns at the extremity of the Malay Peninsula, while the capitalist is enjoying himself in England, and I hear it is paying him well. Judging indeed, of the future by the past, there is no place in the world, that promised to rise into greater importance than Singapore, as a Commercial depot and place of resort"* (SC, 15 Mac, 1827).

86. *Singapore Daily Times* merumuskan kemajuan Singapura sebagai perubahan dari sarang lanun kepada *blooming colony* (SDT, 15 Mei, 1879).

Melalui penguasaan Singapura juga pedagang-pedagang Cina telah berjaya dimenangi. Masyarakat Cina sebelumnya telah terlibat dalam penanaman gambir dan lada hitam yang berpusat di Riau. Apabila Singapura dibuka, pulau ini berjaya menarik mereka pada kadar yang pesat pada awal tahun 1820-an. Menurut Raffles, dalam masa dua tahun Singapura diasaskan, tidak kurang 2,889 buah kapal telah mengunjungi pelabuhan tersebut. Daripada jumlah ini, 383 buah dimiliki oleh bangsa Eropah dan 2,506 buah lagi oleh pedagang tempatan. Jumlah barangan yang dibawa oleh penduduk tempatan dianggarkan berjumlah lima juta dolar Sepanyol dan oleh kuasa Eropah pula tidak kurang daripada tiga juta dolar Sepanyol.⁸⁷

Kebanjiran penduduk di Singapura diharapkan dapat menjamin pemasaran barangan India dan England. Seperti yang diramalkan, Singapura telah mengalami pertambahan penduduk yang pesat sejak diasaskan.⁸⁸ Mengenai pertambahan penduduk, Raffles telah merujuk kepada pelabuhan Jamaica sebagai contoh. Apabila beliau memajukan Bangkahulu sebagai pelabuhan bebas, dikatakan bahawa pelabuhan ini berpotensi untuk menarik dan mengekalkan penduduk yang ramai. Di samping itu dikatakan juga ia dapat menyerap modal yang banyak.⁸⁹

Dalam kes Singapura, dengan menjadikannya sebuah pelabuhan bebas, adalah diharapkan ia akan dapat menarik pedagang-pedagang dari Timur untuk membeli barangan England dan India.

Raffles clearly grasped the commercial value of the Archipelago to Britain and British India, With a base at Singapore, the Indian cotton manufacturing industry, excluded in Europe by unfavourable tariffs, might be able to develop a larger and more permanent market in the Archipelago. When the Indian industry began to crumble with the onslaught of cheap British cotton goods, Raffles saw no reason why the inhabitants of the Archipelago and even the millions of Chinese be not clothed from the cotton mills of Britain.⁹⁰

87. SSR (SNL), L2, f. 3; , Vol. 49, f. 6-7.

88. SSR (SNL), Series, AA7, Januari, 1835-Disember, 1836, Singapore: Letters to Governors, f. 217.

89. Surat Raffles kepada pengarah Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1821, SFR, Vol. 48, ff. 95-96.

90. Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-1869," JMBRAS, Vol. 33, Pt. 4, 1960, hlm. 27.

Seperti yang diramalkan oleh Raffles, pada pertengahan tahun 1819 penduduk Singapura telah meningkat kepada kira-kira lima ribu orang. Menjelang tahun 1822, penduduknya dikatakan telah meningkat kepada kira-kira 10 - 12 ribu orang.⁹¹ Taraf pelabuhan bebas Singapura telah memusatkan kebanjiran penduduk dari kawasan-kawasan lain.⁹² Pedagang Cina dari Selatan China yang sebelumnya berkunjung ke Melaka, Brunei dan Manila mendapati Singapura lebih selamat dan menguntungkan. Satu hal yang nyata ialah, Singapura telah menarik ramai penduduk dari Melaka yang ketika itu dikuasai oleh Belanda.⁹³ Di samping itu status pelabuhan bebas ini juga berjaya menarik para pedagang dari pelabuhan Betawi ke Singapura.⁹⁴ Kedatangan mereka adalah untuk mendapatkan barangan kapas yang mana jika dibawa ke Betawi dalam kapal British akan dicukai dua kali ganda. Status pelabuhan bebas Singapura telah memungkinkan komoditi ini diangkut ke Betawi tanpa dikenakan cukai.⁹⁵

91. Saw Swee Hock, "Populations Trends in Singapore 1819-1967", *JSEAH*, Vol. 10, No. 1, 1969, hlm. 37.

92. Jumlah penduduk Singapura dari tahun 1823-1829 adalah seperti berikut:

| Tahun | Lelaki | Wanita | Jumlah |
|-------|--------|--------|--------|
| 1823 | - | - | 10,683 |
| 1824 | 8,620 | 3,231 | 11,851 |
| 1825 | 9,147 | 3,708 | 12,855 |
| 1826 | 10,307 | 3,425 | 13,732 |
| 1827 | 11,368 | 3,507 | 14,875 |
| 1828 | 13,976 | 4,232 | 18,208 |
| 1829 | 13,976 | 4,241 | 18,217 |

Sumber: *SC* (12 Februari, 1829).

93. *"In spite of the severe measure adopted by the Dutch to prevent their subjects from sailing for Singapore and the threat posed by pirates infesting the waters of the Malacca straits, hundreds managed to find their way to Singapore"* (Saw Swee Hock, "Population Trends...", hlm.37).

94. *SFR*, Vol. 50, ff. 42-43

95. *"The advantage of our factory at Singapore on its present footing cannot perhaps be better exemplified than by the fact that notwithstanding the opposition of the Dutch government it was no sooner established as a free port than speculations were immediately entered into by the Dutch merchant at Batavia, and several ships are already engaged by them to proceed to Singapore for the purpose of our Indian goods, which they are thus enabled to import without the charge of double which the article would be liable to if imported from Batavia in British bottoms. The produce of Java imported into Singapore on equally*

Kemuncak peristiwa yang menguatkan hujah bahawa cita-cita Raffleslah yang menjadi faktor terpenting yang mendorong kepada dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas dapat diperhatikan melalui cara bagaimana Raffles menguasai Singapura. Penguasaannya dibuat atas budi bicaranya sendiri.⁹⁶ Kes ini mengukuhkan hujah bahawa perkembangan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas di Negeri-negeri Selat adalah realisasi impian Raffles di Timur.⁹⁷

UNTUK MENGAWAL KEGIATAN BELANDA DI KEPULAUAN MELAYU LEBIH-LEBIH LAGI SETELAH MEREKA KEMBALI BERKUASA MULAI TAHUN 1816

Tindakan Raffles memajukan dasar perdagangan bebas juga bertujuan untuk mengawal kegiatan Belanda dan kuasa-kuasa asing lain di Kepulauan Melayu.⁹⁸

favourable terms, thus the double duties exacted from foreign vessels at Batavia and Calcutta are naturally evaded to the manifest advantage of the commerce of both countries" (Surat Raffles kepada Setiausaha Syarikat Hindia Timur Inggeris di London pada 28 Disember, 1819, *SFR*, Vol. 50, ff. 42-43).

96. Hal ini terbukti dari surat balasan Gabenor Jeneral India kepada permintaan Raffles untuk menduduki Singapura. Dalam jawapannya dinyatakan penguasaan tersebut adalah atas kebijaksanaannya sendiri (Raffles) dan Syarikat Hindia Timur Inggeris tidak akan membiayai penguasaannya. *"If you wish to found a settlement at Singapore you may do so. The East India Company will not stop you. But it will not provide the expenses of the initial settlement. These must be borne jointly by you and Colonel Farquhar"* (A.H. Hill, *The Founding of Singapore Described by Munshi Abdullah* (translated), 150th Anniversary of the Founding of Singapore, *JMBRAS*, Vol. 42, Pt. 1, 1973, hlm. 94). Rujuk juga *SSR* (IOL), Vol. 10, f. 79.

97. Rumusan Kolonel William Farquhar, Residen Singapura yang pertama (1819-1823), tentang Raffles adalah kesimpulan yang paling tepat menggambarkan peranan Raffles dalam perkembangan Singapura. Menurutnya, *"Singapore had been founded at his (Raffles) own suggestion and matured under his personal management"* (C. Clair, *Sir Stamford Raffles, Founder of Singapore*, London, Bruice & Gawthorn Ltd., 1963, hlm. 92). Hal ini tidak menghairankan kerana apabila Kolonel Farquhar dilantik sebagai Residen pertama Singapura, Raffles telah mengarahkan supaya pelabuhan Singapura dikecualikan daripada cukai. *"It is not necessary at present to subject the trade of the port to any duties; it is yet inconsiderable, and it would be impolitic to incur the risk of obstructing its advancement by any measure of this nature"* (*SSR* (SNL), L10, f.6).

98. "Notes Illustrative of The Life and Services of Sir Stamford Raffles", *JIA* 1855, hlm.

310. Untuk lebih lanjut tentang kegiatan Belanda di Kepulauan Melayu rujuk J. Bastin,

Dasar ini amat perlu lebih-lebih lagi setelah penempatan Belanda yang dikuasai sewaktu perang Napoleon dikembalikan⁹⁹ Belanda kini kembali menguatkuasakan dasar monopoli.¹⁰⁰ Paling membimbangkan adalah tindakan Belanda memaksa Raja-raja tempatan supaya tidak memeterai perjanjian perdagangan dengan British.¹⁰¹

... it is generally stipulated in their treaties, that the native power acknowledges the Dutch government as a feudal Superior, and engages not to enter into relations by treaty with other foreign powers; not to permit the residence of foreigners without permission of the Dutch East India Government; to receive a Dutch Resident, and to send a deputation or Embassy

Statement of The Services of Sir Stamford Raffles, 1978; I.H. Burkill, (ed)., "William Jack's Letters to Nathaniel Wallich, 1819-1821", *JSBRAS*, Vol. 73, 1916, hlm. 168-169; M.S. Carreon-Bunag, "The Founding of Singapore 1819", *AST*, Vol. 4, 1976; "Concerning Colonel Farquhar Going to Look for a place to Establish a Settlement", *JIA* 1852, hlm. 586-587. Khusus tentang aktiviti Belanda di Melaka setelah mereka kembali berkuasa rujuk A.H. Hill, "The Hikayat Abdullah", *JMBRAS*, Vol. 28, Pt. 3, 1955, hlm. 132-137.

99. (*SFR*, Vol. 50, ff. 6-7). "Sir Stamford Raffles, in founding Singapore was impelled by a desire to protect the trade in the Archipelago, particularly in the face of mounting Dutch threat, following the repossession of Dutch possessions held briefly by the British from 1811-1816" (M.S. Carreon-Bunag, "The Founding of Singapore 1819", *AST*, Vol. 4, 1976, hlm. 532).

100. "The Dutch are at their old work in the Indian Archipelago. They obliged all the native vessels to carry Dutch flags and Dutch peppers. They are taking possession of all the ports in Borneo, Sumatra and etc for as to form the same system of arbitrary exclusion they did before they left the country..." (*PWTG*, 12 Jun, 1819). Paling menarik ialah kenyataan Raffles kepada Colonel Addenbrooke yang bertarikh 10 Jun. 1819. Menurutnya Belanda telah meluaskan supremasi mereka ke seluruh Borneo dan Sumatera dan telah menafikan hubungan dengan negeri-negeri lain di Kepulauan Melayu. Menurutnya lagi, "...when I made my re-apperance in these seas they (Dutch) had actually hardly left us an inch of ground to stand upon. Even our rights to the spot on which I write this, though yesterday a wilderness and without inhabitants, is disputed; and, in return for our unparalleled generosity, we are left almost without a resting place in the Archipelago" (Raffles, "The Founding of Singapore", hlm. 72). Rujuk juga (*SFR*, Vol. 47, ff. 625-629). Lebih lanjut tentang dasar restriksi Belanda di Melaka antara tahun 1818-1825 rujuk C.M. Turnbull, "Melaka under British Colonial Rule", dalam Sandhu, K.S. & P. Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital, C. 1400-1990*, Vol. 1, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hlm. 240-247.

101. *PWTG*, 16 Januari, 1822.

*from time to time to the Governor-General of Dutch India, to assist in putting down piracy; and renounce the right to wreck.*¹⁰²

Pendek kata dasar Belanda di Kepulauan Melayu adalah bersifat untuk mementingkan diri sendiri.¹⁰³ Belanda tidak mengambil peduli kebijakan pedagang-pedagang asing dan tempatan.¹⁰⁴ Keadaan ini diperburukkan lagi oleh usaha-usaha Belanda untuk menguatkuasakan pengaruh mereka di beberapa buah penempatan di Tanah Melayu. Kegiatan Belanda di Kepulauan Melayu yang giat dikatakan telah meluas meliputi seluruh Kepulauan Melayu. Keadaan ini telah memaksa Raffles mempengaruhi pemerintah Palembang supaya menyerang dan memusnahkan kubu Belanda di situ.

*... you must throw out and destroy (buang habiskan sekali-kali) all the Dutch as well their Resident, and those who reside in Palembang under Dutch rule. In future allow no (Dutchmen) to reside or enter. Dutch residents can do no good. No Dutchmen should be allowed to enter the country of Palembang nor any other white people except the British. Should the British desire to have a trading place (loji) they should be allowed to do so on conditions to be determined later.*¹⁰⁵

Tindakan Raffles ini dengan jelas memperlihatkan betapa seriusnya beliau dalam membendung kegiatan Belanda di Kepulauan Melayu. Hal ini telah dilahirkan sendiri oleh Raffles dalam suratnya kepada pengarah Syarikat Hindia Timur Inggeris pada 10 April, 1818.¹⁰⁶ Kebimbangan Raffles memperkukuhkan

102. *Correspondence Respecting The Policy of The Netherlands Government in The Eastern Seas as Affecting British Commerce* 1824, hlm. 78.

103. *"The Dutch, solely attentive to their own commercial interests, have in their intercourse with the regions invariably adhered to a more cold blooded, illiberal and ungenerous policy, than has ever been exhibited towards any country..."* (Sophia Raffles, *Memoir of the Life...*, hlm. 75). Lebih lanjut tentang dasar restriksi Belanda rujuk RC, Vol. 1, hlm. 97, 101-106; Vol. 2, hlm. 1-21.

104. RC, Vol. 8, hlm. 58-59.

105. C.E. Wurtzburg, "Raffles and The Massacre at Palembang", *JMBRAS*, Vol. 22, Pt. 1, 1949, hlm. 42.

106. *"The policy and determination of the Dutch authorities at Batavia to exclude the British from all participation in the trade of Eastern Archipelago and to secure the complete command of the entrances into the China seas, has already evinced, itself in the measures they are pressuring in the Southern Provinces of Sumatra"* (RC, Vol. 1, hlm. 217).

keperluan mendapatkan sebuah penempatan di Timur untuk membendung kegiatan Belanda.¹⁰⁷ Di samping kuasa Belanda, kehadiran kuasa-kuasa asing lain seperti Amerika,¹⁰⁸ Perancis¹⁰⁹ dan Rusia juga turut membimbangkan Raffles. Raffles berpendapat bahawa dengan menubuhkan pelabuhan bebas akan menyekat kuasa-kuasa asing seperti Rusia dan Amerika daripada bertapak di negeri-negeri berdekatan dengan Singapura.

The maintenance of a free port at Singapore, moreover would deter other European nations, especially France, Russia and America, from settling on the neighbouring coasts, for our continental possessions will enable us to do that (i.e. maintain a free port), without considering it as a loss, which no other nation could do except at a dead loss, in consequence of the greater distance of their power.¹¹⁰

Kebimbangan ini menjadi lebih nyata bila dikatakan beliau pernah mendapat maklumat bahawa Belanda menyokong Rusia dalam usaha menguasai Kepulauan Pasifik.

107. Tindakan Raffles mengisytiharkan Bangkahulu di Jawa sebagai pelabuhan bebas pada tahun 1818 adalah bertujuan untuk mengawal kegiatan Belanda ("Notes Illustrative of The Life and Services of Sir Stamford Raffles", *JIA*, 1855, hlm. 312; Hahn, *Raffles of Singapore*, hlm. 81). Di sebalik tujuan membendung kegiatan pihak Belanda, dasar perdagangan bebas juga bertujuan untuk memaksa pihak Belanda supaya menerima dasar-dasar liberal. "Such an establishment would maintain a successful rivalry with the Dutch, who would be obliged either to adopt a liberal system of free trade or be compelled to see the trade collected under the British flag: in either case our object would be answered" (H.R.C. Wright, *East Indian Economic Problems of the Age of Cornwallis and Raffles*, London. Luzac & Co. Ltd., 1961, hlm. 352; Donald Moore dan Joanna Moore, *The First 150 Years of Singapore*, Singapore, Donald Moore Press Ltd., 1969, hlm. 51).

108. Aktiviti kuasa Amerika di Aceh dihalkan dengan mendalam dalam surat-surat Raffles. Pada tahun 1818 kapal-kapal Amerika dikatakan menerima kargo di Aceh (*RC*, Vol. 1, hlm. 239-241). Monopoli lada hitam Amerika di Aceh turut membimbangkan Britain (*PWIG*, 15, September 1821). Lebih lanjut tentang kebimbangan aktiviti pedagang Amerika rujuk Cook, *Sir Thomas Stamford Raffles*, hlm. 33-34; "Notices of Singapore", *JIA*, Vol. 7, 1853, hlm. 326-327; Sophia Raffles, *Memoir of the Life...*, hlm. 84-86).

109. Kegiatan Perancis terlihat di Cochin-China, Pegu dan Arakan (*RC*, Vol. 8, hlm. 11-14). Kapal-kapal Perancis dikatakan telah tiba di Pelabuhan Melaka dari pantai Jawa pada 13 Julai, 1811 (*PWIG*, 13 Julai, 1811).

110. (*BSP*, 1820, Vol. 7, Paper 476, memetik dari Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore...", hlm. 179).

*He had heard that Holland was supporting Russia in it's attempts to secure Pacific Islands, and felt that this increased the dangers to Britain in the East. He became even more determined to check the extension of Dutch influence in any form.*¹¹¹

Jelaslah bahawa kebimbangan ancaman Belanda dan kuasa-kuasa asing lain turut menjadi salah satu sebab Raffles menganjurkan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas di Kepulauan Melayu.

UNTUK MEMENUHI KEHENDAK PEDAGANG PERSENDIRIAN (PRIVATE TRADERS) LEBIH-LEBIH LAGI SETELAH TAMAT MONOPOLI PERDAGANGAN SYARIKAT HINDIA TIMUR INGGERIS DENGAN INDIA

Keperluan Raffles mengadakan pelabuhan bebas dan dasar perdagangan bebas juga bertujuan untuk menjaga kepentingan pedagang persendirian lebih-lebih lagi setelah monopoli perdagangan Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan India dimansuhkan pada tahun 1813.¹¹² Perkembangan ini menyebabkan Singapura mula menjadi pusat untuk pedagang-pedagang persendirian mengumpul barangan Kepulauan Melayu untuk dipasarkan di China. Untuk membantu memesatkan perdagangan ini, pihak Inggeris telah menggalakkan penubuhan beberapa buah firma perdagangan. Firma Alexander Johnston muncul sebagai firma pertama pada tahun 1820 dan berurusan dalam mengirinkan barangan dari Canton ke Eropah melalui Singapura dan menerima barangan seperti timah dan hasil-hasil Selat dari Kepulauan Melayu untuk diagihkan di China. Selepas Firma Johnston, muncul pula beberapa buah firma lain, antaranya Alexander Guthrie, 1821; Syme and Co., 1823; Pattersons, Simons and Co., 1823 dan Boustead and Co., 1830.¹¹³ Kemunculan firma-firma ini telah memesatkan lagi perdagangan Singapura dengan Kepulauan Melayu dan negeri China. Pada waktu ini, monopoli perdagangan England dan China tetap dikuasai oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris, sedangkan perdagangan

111. J.S. Tay, "The Attempts of Raffles to Establish A British Base in South East Asia", *JSEAH*, Vol. 1, No. 2, 1960, hlm. 44.

112. *SC*, 30 Julai, 1829.

113. K.G.P. Tregonning, *The British in Malaya: The First Forty Years, 1786-1826*, hlm. 154.

England dengan China telah menjadi penting disebabkan teh, tetapiimbangan perdagangan tidak menyebelahi England. Oleh itu Singapura mesti dijadikan pelabuhan bebas untuk menarik pedagang-pedagang tempatan ke sini.¹¹⁴

Kepentingan perdagangan China ini telah mendorong Raffles berikhtiar untuk menguasai Selat Melaka dan Selat Sunda, dua selat yang bakal membawa kemajuan dari segi perdagangan kepada Singapura. Raffles melihat koloni sebagai mempunyai dua peranan; pertama, sebagai penyumbang pendapatan (*colonies of revenue*) dan kedua sebagai pemaju perdagangan (*colonies of trade*). Dalam konteks ini Singapura dan Pulau Pinang berperanan sebagai koloni perdagangan (*colony of trade*), manakala Bangkahulu, Jawa, Palembang dan Negeri-negeri Melayu sebagai koloni pendapatan (*colony of revenue*).¹¹⁵

Singapura diharapkan dapat memainkan peranan sebagai pusat pertemuan di antara pedagang-pedagang persendirian England dan jongkong-jongkong China. Melalui pertemuan ini diharapkan barangan England dapat diperkenalkan di China. Ini adalah kerana pedagang-pedagang China mempunyai lebih banyak kebebasan daripada bangsa-bangsa asing di pelabuhan mereka.¹¹⁶ Di samping itu Singapura juga dapat berfungsi sebagai pusat mengumpul hasil Kepulauan Melayu. Berhubung dengan peranan dan faedah yang bakal diperolehi oleh England sebagai orang tengah telah dibayangkan oleh ahli ekonomi bernama Sombart. Menurutnya, walaupun koloni tidak menghasilkan sebarang hasil yang menguntungkan tetapi mampu untuk mengumpul hasil kekayaan dari kawasan sekitarnya.¹¹⁷

Di samping memenuhi kehendak pedagang persendirian, tindakan Raffles juga bertujuan untuk memenuhi matlamat politiknya sendiri. Sewaktu Raffles berada di England beliau menjadi pejuang perdagangan bebas dan penyokong

114. Bastin, *Statement of the Services of Sir Stamford Raffles*, hlm. 54.

115. Wright, *East Indian Economic Problems...*, hlm. 352.

116. Wright, *East Indian Economic Problems...*, hlm. 352.

117. A.M. Petrov, "Foreign Trade of Russia and Britain with Asia in the Seventeenth to Nineteenth Centuries". *MAS*, Vol. 21, No. 4, 1987, hlm. 633.

kuat golongan pengusaha.¹¹⁸ Sewaktu Raffles berangkat ke Bangkahulu, beliau sebenarnya mahu kembali ke England dalam masa lima tahun dan selepasnya mahu menjadi ahli Parlimen dan menyokong golongan aristokrat. Raffles berpendapat satu-satunya cara untuk mencapai objektif ini ialah dengan bekerja dengan golongan yang menyokong diwujudkan perdagangan bebas.

Hal ini tidak menghairankan kerana golongan pedagang persendirian sendiri telah berulang kali mendesak supaya Singapura dimajukan sebagai pelabuhan bebas.¹¹⁹ Pedagang-pedagang ini percaya tindakan ini dapat mengalahkan Belanda dan memaksa mereka tunduk kepada kehendak England. Dalam surat mereka kepada Lord Viscount Castlereagh yang bertarikh 21 September, 1821 pedagang-pedagang persendirian ini telah mengajukan tujuh sebab mengapa Singapura harus dimajukan sebagai pelabuhan bebas.¹²⁰

118. "... life at home as a distinguished savant, colonial expert and porponent of free trade, the spokeman in effect, of the manufacturing and commercial interests which resented the restrictions placed on their access to eastern markets by East India Company's privileges and by the British Government's support of the Dutch in the East. When Raffles left for Bencoolen it was with the firm intention of returning within five years after which he hoped to enter Parliament with the support of his aristocratic patrons. Meanwhile it was desirable that he should establish his reputation with some master-stroke on behalf of the free traders" (C.H. Wake, "Raffles and The Rajahs: The Founding of Singapore in Malaya and British Colonial History", *JMBRAS*, Vol. 48, Pt. 1, 1975, hlm. 53). Hal ini juga disokong oleh Andrew Clarke dalam artikelnya berjudul "Sir Stamford Raffles and The Malay States" Menurutnya, "Raffles was a Free Trader before the phrase was known in party politics at home. While the East India Company clung to it's monopolies, Raffles, it's servant, made every port within its jurisdiction a free port, and with the one exception of opium, allowed every article to be exported or imported under all friendly flags at a customs rate of five percent" (*Raffles Printed Sources*, Vol. 3, hlm. 5).

119. Hal ini terlihat daripada surat yang diajukan oleh seorang Private Trader Timur pada 15 September, 1821. Menurutnya, "... it is our policy to make our stations to be eastward free ports: subject to no duties, to no restrictions; encumbered with no collectors of customs; and consequently exempt from all seizure of the goods of the unwary, and what is of yet more importance, from all smuggling." "At Singapore this system has been introduced. The trader comes and goes, buys and sells, unmodelled by fiscal regulations", Beliau menambah, "...if it (Free ports) were extended to one or two more of our stations in the Eastern Isles, it would either force them (Dutch) to throw open their ports to our traders, or to fit still and see all the eastern trade find its way to ours" (*PWTG*, 15 September, 1821).

120. *PWTG*, 29 September, 1821.

Selaras dengan kehendak golongan pengusaha, Raffles telah mengikhtiarkan pembentukan sebuah perlembagaan di Singapura yang bakal memberi kebebasan kepada pedagang-pedagang persendirian England.¹²¹ Keadaan ini juga tidak menghairankan kerana pedagang-pedagang Negeri Selat juga mempunyai pengaruh yang kuat di parlimen England. Mereka sering melobi supaya perdagangan di Timur dibuka luas kepada pedagang-pedagang persendirian.¹²² Perjuangan Raffles menjadi realiti apabila pada 1 Januari, 1823 Singapura secara rasmi diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas.¹²³

Dalam keadaan ini tindakan Raffles memenuhi kehendak golongan pengusaha dan pedagang persendirian juga bererti memenuhi cita-citanya sendiri.

MEMBIAYAI EKONOMI ENGLAND YANG TERJEJAS AKIBAT PEPERANGAN

Keperluan Raffles menganjurkan dasar perdagangan dan pelabuhan bebas juga bertolak daripada kesedaran untuk membiayai ekonomi negaranya yang terjejas akibat peperangan.

Sepanjang abad ke-18 dan awal abad ke-19 England telah terseret dalam beberapa siri peperangan dan telah meninggalkan kesan yang buruk kepada ekonominya. England telah terlibat dalam perang Kemerdekaan Amerika pada tahun 1776, peperangan dengan Perancis (1793-1815) dan peperangan dengan Amerika (1812-1815). Ketiga-ketiga peperangan ini telah melibatkan kos yang tinggi. Perang Kemerdekaan Amerika telah melibatkan perbelanjaan sebanyak

121. *"He was determined to consummate his labours in the east by giving Singapore a Constitution which would provide for its continuance a free port serving the interests of British private traders"* (Wake, "Raffles and the Rajahs...", hlm. 65).

122. *"The Straits traders commanded an influential Parliamentary lobby in London, supported by the rising English manufacturing interests, for whom the Eastern Archipelago was an important potential market"* (C.D. Cowan, *Nineteenth Century Malaya, The Origins of British Political Control*, London, Oxford University Press, 1967, hlm. 4).

123. SSR(SNL), 117, ff. 236-241.

100 juta pound sterling,¹²⁴ peperangan dengan Perancis, 234 ribu juta pound sterling dan peperangan Amerika pula 834 ribu juta pound sterling.¹²⁵

Dalam keadaan ini perdagangan bebas dan pelabuhan bebas adalah usaha untuk menguasai perdagangan di Timur bagi membiayai perbelanjaan perang England. Raffles sendiri pernah bertanya:

*... for unless a monopoly of the Eastern commerce were insisted upon, how was England to maintain a war which is every year draining her of her best resources...?*¹²⁶

Langkah memajukan Singapura sebagai pelabuhan bebas mendatangkan faedah kepada India dan England. Pedagang-pedagang persendirian Inggeris di India kini dapat menjual barangan mereka di Singapura untuk diniagakan di China dan Kepulauan Melayu. Di pihak England pula, barangan Kepulauan Melayu yang bebas cukai di Singapura bila dibawa ke England akan tetap dicukai. Dari segi ini, status pelabuhan bebas Singapura memang mendatangkan faedah yang besar kepada England.¹²⁷ Hal ini terbukti daripada nilai eksport Singapura ke Britain antara tahun 1823-1834. Eksportnya meningkat dari 1,147,944 dolar Sepanyol antara tahun (1823-24) kepada 3,428,132 pada tahun (1833-34).¹²⁸

Berkaitan dengan faktor ini, kemerosotan Pulau Pinang juga turut mempercepatkan tindakan Raffles menganjurkan dasar perdagangan bebas dan pelabuhan bebas di Kepulauan Melayu. Pulau Pinang pada peringkat awal telah menikmati perdagangan yang pesat dengan negeri-negeri berdekatan Semenanjung Tanah Melayu seperti utara Sumatera, Burma dan Siam. Walau bagaimanapun, kepesatan perdagangan ini tidaklah lama, perdagangannya mula

124. H.L Peacock, *British History, 1714 - Present Day*, London, Heinemann Educational Books, 1979, hlm. 94.

125. P. Lane, *Success in British History 1760 - 1941*, Norwich Fletchers and Sons Ltd. 1978, hlm. 74.

126. Bastin, "Raffles and British Policy in the Indian Archipelago 1811-1816". *JMBRAS*, 1954, hlm. 91.

127. *SSR (SNL)*, Series AA7, f. 216; *SSR (SNL)*, A 13, ff. 19-20.

128. Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore 1819-1869", hlm.

meerosot menjelang tahun 1811 apabila Stamford Raffles menguasai Jawa pada tahun 1811 dan mengamalkan dasar liberal. Dasar ini menyebabkan kegiatan penyeludupan bijih timah yang sebelumnya dijalankan dengan giat dari penempatan seperti Bangka ke Pulau Pinang, terjejas. Kemerosotannya juga disebabkan oleh kegiatan perlanunan yang berleluasa di Selat Melaka dan kawalan perkapalan Belanda di Selat Melaka pada penghujung abad ke-18.¹²⁹ Di samping itu perdagangan yang dahulunya tertumpu di Pulau Pinang untuk mengelakkan duti tinggi pihak Belanda kini beralih ke Betawi.¹³⁰

Dalam keadaan ini wajarlah sebuah pelabuhan baru yang mengamalkan dasar perdagangan bebas diwujudkan untuk mengambilalih kedudukan Pulau Pinang dan perdagangan yang di monopoli di kawasan-kawasan sekitarnya.

Berdasarkan perbincangan dapat diperhatikan betapa Francis Light dan Stamford Raffles telah menyumbang kepada perluasan dasar imperialisme British di Negeri-negeri Selat antara 1786-1826. Walaupun tindakan mereka menguasai kedua pelabuhan ini pada peringkat awal mendapat tentangan daripada kerajaan India tetapi setelah menyaksikan perkembangan pesat pelabuhan berkenaan, Britain telah menyambut baik langkah memajukan penempatan-penempatan ini.

129. C.D. Cowan, "Governer Bannerman and The Penang Tin Scheme 1818-1819", *JMBRAS*, Vol. 23, Pt. 1, 1950, hlm. 55.

130. "Trade which used to go to Penang to escape the light duties of the Dutch authorities was drawn back to Batavia. The merchants of Calcutta and Madras could supply the Batavian market with much more profit than those of Penang" (Cowan, "Early Penang and The Rise of Singapore...", hlm. 6-7). Lebih lanjut rujuk juga Courtenay, *A Geography of Trade...*; hlm. 68; Margaret Lee, "Trade and Shipping in Early Penang", *MIH*, Vol. 21, No. 2, 1978, hlm. 22.